

Jilid IV  
Bil. 9

Hari Jumaat  
26hb April, 1974



# **PENYATA RASMI**

OFFICIAL REPORT

**DEWAN RAKYAT**  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KETIGA**  
*Third Parliament*

**PENGGAL PARLIMEN KEEMPAT**  
*Fourth Session*

## **KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 1033]

### **USUL:**

**Akta Peraturan Kewangan, 1957—**  
**Pelaburan Dalam Bank Pembangunan Malaysia [Ruangan 1081]**

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT YANG KETIGA**

*Pernyata Rasmi*

**PENGGAL YANG KETIGA**

---

Hari Jumaat 26hb April, 1974

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

**YANG HADIR:**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, P.M.N., S.P.M.P., J.P., Datuk Bendahara Perak.

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru Timur).

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Kelang).

” Menteri Pertanian dan Perikanan, TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M., P.N.B.S. (Kuala Kangsar).

” Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).

” Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).

” Menteri Pertahanan, DATUK HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Raub).

” Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).

” Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).

” Menteri Perusahaan Utama, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).

” Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Penyelarasan Kampung-kampung Baru, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat Selatan).

” Menteri Penerangan, dan Menteri Tugas-tugas Khas, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).

” Menteri Pelajaran, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

” Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).

” Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Segamat Utara).

” Timbalan Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).

„ Timbalan Menteri Kewangan, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Johor Bahru Barat).

„ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).

„ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pembangunan Ekonomi Desa, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).

„ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K. (Ulu Kelantan).

„ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).

„ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SBRI (Johor Timur).

„ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).

„ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).

„ TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).

„ TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).

„ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).

„ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).

„ TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).

„ PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).

„ TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., J.S.M., A.M.N., J.P. (Sungei Patani).

„ DATUK PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.N.B.S., P.B.S. (Julau).

„ CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).

„ TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).

„ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).

„ AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).

„ TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).

„ TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).

„ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).

„ TUAN CHAN YOON ONN, A.M.P. (Ulu Kinta).

„ TUAN CHEN KO MING, A.M.N., P.B.S. (Sarikei).

„ DR CHEN MAN HIN (Seremban Timur).

„ TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER (Bau-Lundu).

„ TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).

„ TUAN V. DAVID (Dato Kramat).

„ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang-Lupar).

„ TUAN FAN YEW TENG (Kampar).

„ TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).

Yang Berhormat TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).

- " TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).
- " TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).
- " TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).
- " TUAN JAWAN ANAK EMPALIENG (Rejang).
- " DATUK KHOO PENG LOONG, P.N.B.S. (Bandar Sibu).
- " TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- " TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- " TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- " TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
- " TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
- " TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- " TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
- " TUAN LUHAT WAN (Baram).
- " TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- " TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
- " DATUK DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
- " TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
- " TUAN HAJI MOHD. CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).
- " TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
- " TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
- " TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGlima ABDULLAH (Darvel).
- " TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- " TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN (Kapar).
- " • TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- " TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- " WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
- " TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL, J.S.M. (Perlis Selatan).
- " TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasir Mas Hilir).
- " TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- " TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).
- " RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, S.M.S., P.J.K. (Kuala Selangor).
- " DATUK PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).
- " PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
- " TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN, A.M.P. (Ipoh).
- " TUAN SEAH TENG NGAIB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).
- " DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).

Yang Berhormat TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).

- ” TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).
- ” DR A. SOORIAN (Port Dickson).
- ” TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- ” TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- ” WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- ” TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- ” PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- ” TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim-Bandar Bharu).
- ” DATUK TAJUDIN BIN ALI, D.P.M.P., P.J.K. (Larut Utara).
- ” DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- ” TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- ” TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- ” TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- ” TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
- ” TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- ” DATUK JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).
- ” TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).
- ” TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
- ” DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).

#### YANG TIDAK HADIR :

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri, dan Menteri Kewangan, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).

Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara, TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungai Siput).

- ” Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N., S.P.M.K., S.P.M.J. (Pontian Utara).
- ” Menteri Tak Berpotfolio, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- ” Menteri Bagi Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S. (Ulu Rajang).
- ” Menteri Pembangunan Ekonomi Desa, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).
- ” Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- ” Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian Selatan).
- ” Menteri Tugas-tugas Khas, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- ” Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kemajuan Tanah, TUAN MOHAMED BIN UJANG, K.M.N., P.J.K. (Jelevu-Jempol).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Krian Barat).

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Rembau-Tampin).

" DATUK DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).

" Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).

" DATUK HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).

" TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).

" TUAN HAJI AHMAD BIN SA'ID, J.P. (Seberang Utara).

" TUAN AJAD BIN O. T. OYONG (Labuk-Sugut).

" DR AWANG BIN HASSAN, S.M.K. (Muar Selatan).

" DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).

" DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).

" TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).

" TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).

" TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).

" TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).

" DR LIM CHONG EU (Tanjong).

" TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).

" DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Sandakan).

" TAN SRI HAJI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).

" DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).

" TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).

" TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).

" TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S. (Muar Dalam).

" TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).

" DATUK SRI S. P. SEENIVASAGAM, S.P.M.T., D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).

" DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.D.K. (Kuala Kedah).

" TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).

" TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).

" TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

#### YANG HADIR BERSAMA:

Yang Berhormat Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN WONG SENG CHOW, A.M.N., J.P. (Dilantik).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat, Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha, Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha, Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha, Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI

Penyunting, Yahya Manap.

Penolong Penyunting, P. B. Menon.

Penolong Penyunting, Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suher bin Husin.

Ng Cheng Kuai.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar Musa bin Alang Ahmad.

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

## JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

### DUTI IMPOT

1. Tuan Ng Hoe Hun minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) mengapakah cukai sebanyak 40 sen sepaun dikenakan ke atas limau dan bolehkah cukai ini dibatalkan; dan
- (b) adakah beliau sedar bahawa benih-benih limau tidak boleh didapati oleh peladang-peladang Malaysia, dan jika ya, samada Kerajaan akan menimbang membelinya dengan berharga \$5 sepokok.

**Timbalan Menteri Kewangan (Datuk Mohamed bin Rahmat):** Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan (a) duti impot telah dikenakan dengan tujuan untuk menggalakkan penanaman buah-buahan tempatan secara besar-besaran dan oleh itu cukai ini tidaklah harus dibatalkan.

Mengenai bahagian (b) saya telah dinasihatkan oleh Kementerian Pertanian dan Perikanan bahawa tidaklah benar benih buah limau tidak boleh didapati oleh peladang-peladang di Malaysia. Beberapa jenis pokok buah limau boleh didapati oleh peladang-peladang dengan harga \$1.20 hingga \$1.80 sepokok. Jika sekiranya Ahli Yang Berhormat berkehendakkan benih-benih limau, bolehlah beliau berhubung dengan pihak Kementerian Pertanian dan Perikanan yang mana saya telah diberitahu bahawa Kementerian itu dapat menyediakan keperluan tersebut.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Soalan tambahan. Berapa banyakkah cukai limau yang telah diperolehi oleh Kerajaan bagi tahun 1973?

**Datuk Mohamed bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta notis.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Saya fikir cukai limau pada tiap-tiap tahun tidak banyak. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menimbang supaya diberi subsidi kepada buah limau yang diimpot?

**Datuk Mohamed bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, kita di Malaysia pun ada limau, kita juga menanam limau dan limau yang kita tanam itupun bukan tidak sedap. Jadi kalau sudah ada limau sendiri buat apa pula hendak meminta subsidi untuk membeli limau daripada luar.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan benih-benih pokok limau boleh dibeli daripada Pejabat Pertanian. Saya sudah membuat satu penyiasatan dan hasil penyiasatan saya itu limau yang baik tidak boleh dapat dibeli langsung. Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan pokok limau boleh dibeli dengan harga \$1.20 tetapi saya beli di Cameron Highlands harganya \$5. Jadi saya tidak mengerti dan saya minta penjelasan bagaimana di Cameron Highlands harganya \$5 dan di Pejabat Pertanian \$1.20.

**Datuk Mohamed bin Rahmat:** Kalau Yang Berhormat sudah membuat siasatan, saya harap segala siasatan atau pendapat-pendapat yang ada pada beliau itu dikemukakan kepada Kementerian Pertanian dan Perikanan supaya dapat diberi pertimbangan untuk memperbaiki keadaan yang ada.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu apakah jenis limau itu: tut, marcot, budgraft atau enarch?

**Datuk Mohamed bin Rahmat:** Saya minta notis.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar ada undang-undang berkenaan dengan mengimpot jenis limau tut, marcot, budgraft dan enarch dan juga adakah beliau sedar undang-undang itu tidak membenarkan rakyat mengimpot benih limau itu ke Malaysia. Jika beliau sedar, bilakah Kerajaan hendak batalkan undang-undang itu?

**Datuk Mohamed bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini patut dikemukakan kepada Kementerian Pertanian dan Perikanan.



## INFLASI—MENEGAH

**2. Tuan Fan Yew Teng** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan iaitu untuk mencegah inflasi adakah Menteri akan mengemukakan satu undang-undang untuk mengawal harga-harga barang-barang dagangan yang perlu dan mengurangkan keuntungan syarikat-syarikat yang besar.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Musa Hitam):** Tuan Yang di-Pertua, Undang-undang Kawalan Harga telahpun wujud pada masa ini seperti terkandung di dalam Akta Kawalan Harga 1946, Peraturan-peraturan Perlu (Kawalan Bekalan Beras), 1974 dan akta-akta berkenaan yang lain.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan sudahpun mengambil berbagai langkah untuk mencegah inflasi. Kawalan harga telahpun dikenakan ke atas beberapa barang keperluan dan dari masa ke masa dikaji semula senarai barang-barang ini serta di mana perlu diperluaskan.

**Tuan Hussain bin Haji Sulaiman:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, barang-barang kawalan yang telah diumumkan oleh Kerajaan, termasuk apa yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada 23hb baharu-baharu ini.

**Datuk Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, kalau maksud Ahli Yang Berhormat yang bertanya itu berasaskan kepada apa yang telah diishtiharkan oleh Timbalan Perdana Menteri, maka benarlah barang-barang itu barang-barang kawalan, kalau yang dikatakan itu ialah bahawa Timbalan Perdana Menteri mengatakan barang-barang ini terkawal.

**Tuan Hussain bin Haji Sulaiman:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian telah mengumumkan di dalam Dewan ini tentang kedudukan harga-harga beras pada 23hb April, 1974 yang merupakan barang-barang dagangan perlu, saya ingin mendapat kenyataan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah dengan pengumuman yang baharu itu pihak Kerajaan

sedar bahawa sebahagian besar dari rakyat dalam daerah Kuala Trengganu dan Besut, tidak senang hati dengan harga yang telah ditetapkan, kerana negeri Trengganu telah dimasukkan dalam senarai "F" bersamaan dengan negeri Pahang, dan harga beras berbeza sebanyak \$10 pada satu guni, kalau hendak dibandingkan dengan negeri Kelantan yang begitu hampir, sedangkan daerah Kuala Trengganu mempunyai kawasan padi seluas 24,000 ekar dan Besut seluas 26,000 ekar dan Besut akan dijadikan kawasan perairan pada masa yang akan datang.

**Datuk Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, pengishtiharan berkenaan dengan kawalan harga beras baru dibuat dalam 2, 3 hari sahaja, jadi kalau Ahli Yang Berhormat bertanya samada Kerajaan sedar atau tidak atas kedudukan dan rungutan rakyat daripada Besut, jawabnya tidak sedar, baharu inilah sedar dan soal ini haruslah dikemukakan kepada Menteri yang berkenaan.

**Tuan Hussain bin Haji Sulaiman:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Sekiranya dapat dikemukakan satu perangkaan secara detail kepada Kerajaan tentang masaalah kurang senang hati rakyat dalam daerah Kuala Trengganu dan Besut ini, adakah Kerajaan bersedia membuat pindaan sebelum perkara ini berjalan kuatkuasa pada 3hb Mei, ini.

**Datuk Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat itu memikirkan bahawa perkara ini sangat-sangat penting bawalah hari ini atau esok atau dua tiga hari yang akan datang ini ke pengetahuan pihak-pihak yang berkenaan dan ini akan dikaji, dan tentu sekali dari segi Kerajaan kalau benda itu kita bersetuju, maka tentulah tindakan akan diambil oleh sebab Kerajaan kita sentiasa mengambil langkah-langkah untuk kepentingan rakyat dan bukan untuk kesusahan rakyat.

**Tuan Hussain bin Haji Sulaiman:** Soalan tambahan. Oleh kerana di dalam Kementerian ini ada majlis yang ditubuhkan yang dipanggil Majlis Perlindungan Pengguna Kebangsaan, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju sebelum perkara ini diumumkan pada 3 haribulan ini di-

rojokkan dahulu perkara yang seperti ini kepada Majlis Perlindungan Pengguna Kebangsaan yang terletak di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian?

**Datuk Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, soal detail berhubung dengan beras ini ialah di bawah jagaan Jabatan Perdana Menteri dan telah dikaji dengan telitinya. Jadi, saya fikir tidak moleklah saya sendiri di sini selaku seorang yang menjaga Kementerian Perdagangan dan Perindustrian memberi suatu pengakuan kalau saya tidak dapat memastikan kedudukan yang sebenarnya. Jadi baik saya cakap berterus-terang perkara ini saya tidak dapat memberi pengakuan, cuma saya meminta Ahli Yang Berhormat itu menyampaikan kepada pihak yang berkenaan dengan seberapa segera atas permintaannya.

**Tuan Hussain bin Haji Sulaiman:** Soalan tambahan. Berhubung dengan pengumuman harga beras juga, Tuan Yang di-Pertua, adakah sudah sampai satu maklumat kepada Kerajaan bahawa pihak pengilang-pengilang di dalam negeri Kedah mulai dari 2 hari yang lepas tidak mahu menghantar beras dan memberi beras kepada pemborong-pemborong kerana hendak menunggu pada 2 atau 3 haribulan Mei tentang sejauh mana ketegasan Kerajaan mengenai dengan pengumuman itu?

**Datuk Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan pengumuman ini baru sahaja dua tiga hari dibuat, jadi maklumat-maklumat atau feedback ini cuma di dalam masa dua tiga hari ini jugalah yang akan kita dapati. Jadi inilah satu daripada proses untuk pengetahuan kita dan saya percaya apa-apa juga tindakan yang difikirkan perlu akan diambil oleh Kerajaan untuk mengelakkan apa juga kejadian yang tidak dikehendaki.

### TRAVEL AGENCIES BUMIPUTRA

3. Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pembangunan Ekonomi Desa menyatakan:

- (a) samada beliau sedar bahawa MARA akan mengambil bahagian dan sedang merancang untuk menubuhkan perniagaan di bidang pelancungan di dalam dan di luar negeri; jika ya, apakah yang akan terjadi kepada nasib syarikat-syarikat "Travel Agencies" yang kecil yang diuruskan

oleh bumiputra jika badan seperti MARA, PERNAS dan sebagainya mengambil bahagian dalam bidang yang sama;

- (b) samada beliau boleh memberi jaminan supaya badan-badan yang besar seperti MARA, PERNAS, dan lain-lain tidak masuk bertanding dengan syarikat-syarikat "Travel Agencies" yang kecil yang diuruskan oleh bumiputra itu; dan
- (c) samada beliau sedar bahawa badan-badan seperti PERNAS, MARA dan sebagainya selain daripada menolong bumiputra dalam bidang ekonomi dan perniagaan, telah juga merampas agensi-agensi kecil daripada bumiputra; jika ya, apa tindakan yang diambil dalam perkara ini.

**Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pembangunan Ekonomi Desa (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar):** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu pada tahun ini jawapannya:

- (a) Ya. Pada tahun ini MARA telah menubuhkan Mas Mara Travel & Tours iaitu sebagai satu aktiviti Express MARA. Tujuannya ialah untuk menambah dan memberi kemudahan kepada wakil-wakil pelancungan yang terdiri dari bumiputra lebih banyak peluang perniagaan dan perusahaan dengan lebih cekap dalam bidang-bidang pelancungan. Umpamanya:

- (i) menyediakan bekalan bas-bas pelancungan yang bermutu untuk disewa khas oleh pengusaha-pengusaha bumiputra;
- (ii) mendapatkan tiket-tiket pelancungan secara borong untuk dibahagikan kepada pengusaha-pengusaha bumiputra;
- (iii) memberi khidmat nasihat kepada bumiputra yang memerlukan untuk memasuki atau memperbaiki perniagaan mereka di dalam bidang pelancungan. MARA telahpun menerangkan tujuan ini kepada syarikat-syarikat pelancungan bumiputra di dalam suatu perjumpaan ataupun dailog yang diadakan di Auditorium MARA pada 18hb Mac, 1974.

- (b) MARA tidak akan bertanding dengan syarikat-syarikat travel agencies yang kecil yang diuruskan oleh bumiputra itu.
- (c) Kenyataan ini adalah tidak benar. Sebaliknya badan-badan ini membantu agensi-agensi kecil daripada bumiputra di dalam bidang ekonomi dan perniagaan. Bantuan-bantuan tersebut adalah termasuk memberi pinjaman modal, kemudahan-kemudahan tempat perniagaan membekalkan pekerja-pekerja yang terlatih dan mahir serta memberi galakan dan khidmat perundingan yang lazim yang diperlukan oleh mereka. Akibat daripada bantuan-bantuan ini banyak agensi-agensi kecil bumiputra telah wujud dan berkembang maju pada masa ini.

**Tuan Hussain bin Haji Sulaiman:** Soalan tambahan. Sekiranya MARA boleh menjalankan sendiri travel agency ini mengenai dengan pelancungan, adakah MARA bersedia mengadakan suatu pengangkutan seperti bot membawa penduduk-penduduk yang suka pergi melancung ke Pulau Perhentian di dalam daerah Besut, Trengganu?

**Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar:** Tuan Yang di-Pertua, jika sekiranya pulau itu boleh menarik pelancungan dan kemudahannya cukup, insya Allah, MARA akan berbuat demikian sebab ini satu daripada perusahaan yang menarik.

**Raja Nong Chik bin Raja Ishak:** Tuan Yang di-Pertua, MARA dipandang oleh bumiputra, orang Melayu ataupun orang-orang daripada bumiputra dari Sabah dan Sarawak seperti bapa orang Melayu. Anak-anak yang membuat perusahaan pelancungan kecil-kecil janganlah ditandingi oleh MARA. Jadi dengan sebab itu adakah MARA ini betul-betul hendak menolong orang Melayu. Kalau MARA mengambil bahagian perniagaan-perniagaan kecil bumiputra ini akan mati. Dalam masa Kongres Bumiputra dahulu tujuan MARA adalah untuk menolong orang Melayu, bukan hendak masuk bersama berniaga dengan perniagaan yang dijalankan oleh bumiputra. Kalau hendak compete dengan pengusaha-pengusaha yang besar-besar, itu soal lain. Saya bertanya adakah MARA ini

hendak mengadakan joint venture dengan bumiputra yang kecil-kecil yang berniaga travel agencies pada masa yang akan datang supaya tidak ada was-was dalam hati bumiputra?

**Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka memberi sedikit penjelasan di sini. Mengikut rekod pengusaha-pengusaha pelancungan dalam negara kita pada masa ini ada berjumlah sebanyak 314 buah pengusaha pelancungan dan bilangan pengusaha-pengusaha ini bukan bumiputra adalah berjumlah 253 buah yakni 80% sedangkan bumiputra hanya 61 buah iaitu 20% sahaja. Jadi, MARA menjalankan syarikat ini tujuannya untuk mengisi kekosongan yang tidak dapat dijalankan oleh bumiputra. Apabila keadaan telah seimbang mengikut sebagaimana matlamat kita di dalam Dasar Ekonomi Baru, insya Allah, MARA akan menimbang untuk mengaturkan bagaimana syarikat bumiputra dapat menyertai syarikat yang ditubuhkan oleh MARA.

**Raja Nong Chik bin Raja Ishak:** Soalan tambahan. Saya hendak bertanya adakah Kerajaan atau MARA bertujuan hari ini untuk mengadakan joint venture dan apa salahnya diadakan joint venture dengan syarikat-syarikat bumiputra yang kecil-kecil, bolehkah atau tidak diadakan joint venture seperti itu dengan seberapa segera yang boleh?

**Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya terangkan tadi, syarikat ini baru ditubuhkan dan belum lagi dapat menjalankan perusahaannya samada untung ataupun rugi. Biasanya MARA apabila telah mendapat keuntungan yang baik, syarikat ini telah berjalan dengan sempurna, barulah kita akan menimbang soal joint venture sebagaimana yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat.

#### ROTI—BERAT HARGA

4. **Dr Tan Chee Khoo** (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan berkenaan dengan taraf roti yang merosot, adakah Kerajaan hendak meminta "The Standard Institute of

Malaysia" untuk menetapkan taraf sebuku roti dan menghendaki pembuat roti mencatatkan berat harga dan ramuan-ramuan roti di atas bungkusannya.

**Datuk Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, Standard Institute of Malaysia—SIM sedang menyediakan final draft bagi roti dan akan siap tidak lama lagi. Setelah SIM mengeluarkan sijil bagi taraf roti ini maka Kementerian saya akan membuat peraturan di bawah Akta Kawalan Harga, 1946 dan Akta Perihal Dagangan, 1972 untuk menetapkan harga, berat dan ramuan di atas bungkus roti itu.

**Dr Tan Chee Khoo:** Soalan tambahan. Bolehkah Menteri yang berkenaan menjelaskan bahawa roti-roti yang dijual sekarang boleh dituliskan di kertasnya berapa berat roti itu, oleh sebab ada roti yang kurang berat, umpamanya, sebuku roti dikatakan satu kati, sedangkan beratnya barangkali hanya 14 tahlil sahaja, tetapi kalau sekiranya ditulis satu kati, kalau kita timbang tak betul, kita boleh serahkan roti itu kepada Menteri yang berkenaan.

**Datuk Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, inilah tujuan penyediaan draf undang-undang berkenaan dengan berat, harga dan sebagainya berkenaan dengan roti yang sedang dibuat oleh SIM. Setelah dipastikan dahulu barulah kepastian ini nanti akan dapat dilaksanakan. Setelah dilaksanakan, apabila didapati bahawa sesuatu pengeluaran roti itu menulis umpamanya 1lb tetapi kurang beratnya, barulah tindakan akan dapat diambil di bahawa undang-undang yang ada seperti yang saya sebutkan tadi.

### JALANRAYA—KEMALANGAN

**5. Tuan Haji Ahmad bin Arshad** minta Menteri Perhubungan menyatakan, sejak tahun 1973 hingga sekarang, jumlah bilangan kemalangan-kemalangan jalanraya di seluruh Malaysia dengan memberikan butir-butir mengenai (a) kematian, (b) kecederaan, (c) kerosakan kepada kenderaan-kenderaan dan (d) jumlah bilangan bukan warganegara yang terlibat.

**Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Wong Seng Chow):** Tuan Yang di-Pertua, jumlah kemalangan jalanraya di seluruh Malaysia sejak tahun 1973 hingga penghujung bulan Februari tahun 1974 ialah sebanyak 53,272. Butir-butir adalah seperti berikut:

- (a) Kematian ... .. 2,446 orang
- (b) Kecederaan ... .. 23,084 ..
- (c) Kerosakan kepada kenderaan-kenderaan ditaksirkan sebanyak \$2.2 juta.
- (d) Bilangan kemalangan bukan warga-negara yang terlibat di Semenanjung Malaysia sejak tahun 1973 hingga akhir bulan Februari ialah 804. (Angka bukan warganegara bagi Negeri-negeri Sabah dan Sarawak yang terlibat tidak didapati).

**Dr Tan Chee Khoo:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Menteri berkenaan sedar jumlah kemalangan yang berlaku dalam masa yang disebutkan oleh beliau ialah 53,272 dan makin lama makin bertambah kemalangan ini dan kematian yang berlaku ialah 2,446. Adakah beliau sedar makin lama kematian ini juga makin bertambah dan apakah tindakan yang lebih tegas yang telah diambil oleh Kementeriannya supaya kemalangan dan kematian boleh di kawal, bukan makin lama makin bertambah?

**Tuan Wong Seng Chow:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini pun telah dijawab beberapa kali oleh Kementerian saya di dalam Dewan ini.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Soalan tambahan. Berkenaan dengan kemalangan jalanraya di seluruh Malaysia dan bersangkutan dengan Negeri Perak, adakah Menteri sedar jalanraya di Negeri Perak sangat sempit dan tidak lebar, apakah rancangan Kementerian ini hendak melebarkan lagi jalanraya di Negeri Perak?

**Tuan Wong Seng Chow:** Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Tuan Yang di-Pertua, itu bukan soalan lain.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya kata itu soalan lain. Kalau saya tak setuju, saya tentu bersuara.

**Tuan Hussain bin Haji Sulaiman:** Mengikut keterangan Yang Berhormat Menteri ada seramai kira-kira 804 orang bilangan bukan warganegara yang terlibat di dalam kemalangan ini, adakah dari jumlah 804 orang ini sebahagian besarnya terdiri daripada pemandu-pemandu yang bukan bumiputra?

**Tuan Wong Seng Chow:** Soalan itu, saya minta notis.

**Tuan T. S. Gabriel:** Soalan tambahan. Adakan Yang Berhormat Menteri sedar bahawa banyak kejadian kemalangan berlaku di seluruh negara kita oleh kerana jalanrayanya sangat sempit, maka kejadian itu berlaku?

**Tuan Wong Seng Chow:** Tuan Yang di-Pertua, saya tak sedar.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Apakah sebabnya Yang Berhormat Menteri tidak sedar, banyak kematian berlaku di seluruh jalanraya di Malaysia? Apakah sebabnya beliau tak sedar?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat boleh jumpa dengan beliau dan tanyalah dia sendiri di pejabatnya.

### PENGANGGUR-PENGANGGUR DI PULAU PINANG

**6. Tuan T. S. Gabriel** bertanya kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di-Pertua, saya telahpun memberi jawapan kepada soalan ini dalam ucapan saya pada 22hb April, 1974 dalam Dewan ini apabila menjawab kepada pandangan-pandangan yang diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa perbahasan ke atas Ucapan di-Raja.

**Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tan Sri V. Manickavasagam):** Tuan Yang di-Pertua, saya telahpun memberi jawapan kepada soalan ini dalam ucapan saya pada 22hb April, 1974 dalam Dewan ini apabila menjawab kepada pandangan-pandangan yang diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa perbahasan ke atas Ucapan di-Raja.

**Tuan V. David:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Menteri berkenaan memberitahu dalam Dewan ini berapa peratuskah orang-orang yang tidak bekerja di Negeri Pulau Pinang?

**Tan Sri V. Manickavasagam:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta notis.

### SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH

**7. Tuan R. C. M. Rayan** minta Menteri Pelajaran menyatakan, adakah beliau akan menimbang mengambil tindakan segera untuk membina lebih banyak lagi sekolah-sekolah menengah istimewa di Bandar Ipoh dan di seluruh negara amnya untuk memberi tempat kepada ramai penuntut-penuntut yang telah lulus peperiksaan L.C.E. tiap-tiap tahun dan memberi peluang penuntut-penuntut yang telah gagal peperiksaan M.C.E. dan H.S.C. pada tiap-tiap tahun diberi tempat setahun lagi dengan tidak payah mereka itu b ajar di Sekolah-sekolah persendirian di mana bayaran sekolah sangat tinggi dan ibubapa yang miskin tidak mampu menanggung mereka ataupun menjadi beban kepada negara tanpa berbuat apa-apa di rumah atau menyertai orang jahat.

**Menteri Pelajaran (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob):** Tuan Yang di-Pertua, memanglah dalam rancangan Kementerian Pelajaran hendak memperbanyakkan bilangan sekolah-sekolah menengah, tetapi beberapa faktor perlu dipertimbangkan dahulu. Di antaranya ialah kemampuan dari segi kewangan dan tenaga pengajar yang terlatih. Kementerian saya adalah sentiasa mengkaji masaalah ini.

**Tuan T. S. Gabriel:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Beribu-ribu murid yang telahpun gagal dalam peperiksaan MCE membuat permohonan untuk mendapatkan tempat lagi, tetapi sampai sekarang belum dapat apa-apa jawapan. Bilakah mereka boleh mendapat suatu jawapan daripada Kementerian beliau?

**Tuan Haji Mohamed bin Yaacob:** Tuan Yang di-Pertua, ini soalan berkenaan dengan sekolah-sekolah menengah.

**Tuan Hussain bin Haji Sulaiman:** Soalan tambahan. Oleh kerana Yang Berhormat Menteri menerangkan memang menjadi hajat dan niat Kementerian ini hendak menambah bilangan sekolah-sekolah menengah di seluruh Malaysia ini, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi satu ketegasan bahawa sekolah-sekolah menengah yang akan ditambah itu ialah Sekolah Menengah Kebangsaan?

**Tuan Haji Mohamed bin Yaacob:** Ya. Tuan Yang di-Pertua.

### TERNAKAN LEMBU

**8. Tuan Mustapha bin Hussain** bertanya kepada Menteri Pertanian dan Perikanan,

- (a) samada Kerajaan menjalankan satu rancangan untuk menggalakkan kaum tani menternak lembu,
- (b) minta beliau memberitahu jenis lembu yang baik dan sesuai bagi Malaysia; dan
- (c) apa rancangan Kementerian untuk menanam rumput jenis yang baik dan sesuai di negeri ini.

**Menteri Pertanian dan Perikanan (Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Ya. Antara program-program di dalam rancangan ternakan yang dijalankan ialah:
  - (1) Rancangan Pawah;
  - (2) Rancangan Bantuan Baka;
  - (3) Rancangan Perkembangan Perumahan Beradas; dan
  - (4) Rancangan Bantuan Benih rumput.
- (b) Dua jenis yang telah didapati sesuai diperkembangkan ialah jenis lembu Kedah-Kelantan dan jenis India tempatan (L.I.D.).
- (c) Ya. Rumput-rumput yang telah ditanam dan telah dibahagi-bahagikan ialah: rumput gajah, rumput Guinea, rumput Brachiaria mutica, rumput Brach, brizantha, decumbens, rumput Setaria, rumput African Star, rumput kacang jenis Stylo, Kudzu, Centro dan Desmo. Rumput-rumput jenis yang tersebut itu juga adalah rumput-rumput yang ditanam oleh MAJUTERNAK di kawasan ladang ternakan mereka.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Soalan tambahan. Orang India dan orang Sikh pun ada menternak lembu tetapi mereka tidak boleh dapat tanah untuk membela lembu. Apakah sebabnya mereka tidak boleh dapat tanah?

**Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi:** Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Soalan tambahan. Jikalau orang India dan orang Sikh hendak bercampur dalam rancangan ternakan lembu bolehkah mereka masuk?

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu soalan lain. Cuba buat soalan yang tepat.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Baik, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Valentine Cotter:** Soalan tambahan. Adakah Kementerian ini akan menggalakkan kaum tani menternak lembu secara besar-besaran di Sarawak oleh kerana saya tahu menternak lembu itu sangat kurang sekarang.

**Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi:** Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan sentiasa menggalakkan anak-anak Sarawak memelihara dan membiak lembu dan pihak MAJUTERNAK sendiri sedang menguruskan satu rancangan di Bahagian Keempat Negeri Sarawak iaitu dengan cara mengadakan rancangan tenusu di sana.

**Tuan Valentine Cotter:** Soalan tambahan. Tidakkah ada Kementerian Pertanian dan Perikanan menjalankan kajian (research) ke atas lembu manakah yang economical untuk dibela di Malaysia?

**Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah nyatakan di hujung jawapan saya tadi. Pihak MARDI dan juga Jabatan Haiwan ada membuat kajian-kajian (research) berkenaan dengan jenis-jenis lembu yang sesuai di Malaysia.

**Tuan Valentine Cotter:** Apakah jenisnya?

**Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah jawab dalam bahagian (b) tadi.

**Tuan Hussain bin Haji Sulaiman:** Soalan tambahan. Mengikut jawapan Yang Berhormat Menteri pada soalan (a) katanya, ya. Saya ingin mendapat penjelasan adakah yang dimaksudkan dengan kaum tani yang digalakkan menternak lembu ini termasuk kaum tani di dalam kawasan perairan atau tidak?

**Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi:** Tuan Yang di-Pertua, rancangan pihak Kerajaan menggalakkan kaum tani memelihara lembu ini di seluruh negara bukan sahaja di kawasan-kawasan padi tetapi di seluruh negara.

**Tuan Hussain bin Haji Sulaiman:** Soalan tambahan. Kiranya digalakkan kaum tani di kawasan perairan menternak lembu tidakkah Yang Berhormat Menteri berfikir bahawa ini suatu cara boleh menggagalkan ataupun boleh melambat-lambatkan pekerjaan menanam padi di kawasan perairan kerana mereka terpaksa membahagi masa kepada mencari rumput untuk diberi makan kepada lembu dan terpaksa membahagi masa untuk menjaga padi-padi.

**Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa untuk membahagi masa membuat sawah dan menjaga lembu, saya percaya petani-petani dalam negeri ini faham keadaan itu dan mereka boleh membahagikan masa. Sudah tentulah tidak ada seorang petani di dalam negeri ini bekerja 24 jam satu hari berkenaan dengan menjayakan sawah mereka.

**Tuan Hussain bin Haji Sulaiman:** Soalan tambahan. Barangkali Yang Berhormat Menteri lebih faham daripada saya bahawa petani-petani di kawasan perairan bekerja tidak sama dengan petani-petani yang tinggal di kawasan yang tidak perairan. Mereka terpaksa membuat tanaman padi dua kali setahun dan masa untuk mereka adalah sangat-sangat terhad untuk membuat pekerjaan-pekerjaan yang lain. Sebab itulah saya bertanya tadi adakah kita hendak menggalakkan petani-petani di kawasan perairan ikut sama seperti petani-petani di kawasan lain di dalam ternakan lembu ini.

**Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi:** Tuan Yang di-Pertua, seperti saya telah terangkan iaitu pihak Kementerian adalah menggalakkan ke semua petani-petani untuk memelihara lembu samada di luar ataupun di dalam kawasan perairan, tetapi cara-cara memelihara itu barangkali adalah berlainan sedikit dengan sebab petani-petani yang duduk di luar daripada kawasan perairan itu memelihara lembu mereka di dalam bagan-bagan kerbau ataupun padang ragut dan sebagainya. Tetapi pihak MARDI dan juga Jabatan Haiwan sedang membuat

satu kajian berkenaan dengan cara yang lebih baik memelihara lembu di kawasan perairan samada di Perairan Muda, Kemubu, Besut dan lain-lain. Caranya ialah lembu-lembu yang dipelihara di kawasan perairan ini tidak dilepaskan bahkan dikurong ataupun dipelihara di dalam pagar dan terpaksa memberi makanan-makanan samada daripada jenis yang dijual ataupun yang mereka kumpul sendiri di kawasan-kawasan berdekatan.

Berkenaan dengan samada petani ada masa untuk hendak bekerja sambil memelihara lembu ataupun hendak memelihara lembu sambil hendak bekerja, saya percaya perkara itu bukanlah satu perkara yang sulit bahkan petani-petani boleh berbuat demikian.

**Raja Nong Chik bin Raja Ishak:** Soalan tambahan. Saya mengucapkan terima kasih di atas galakan itu, tetapi adakah Kerajaan atau Yang Berhormat Menteri menggalakkan bumiputra ataupun tidak bagi memelihara lembu secara besar-besaran. Beri kepada petani-petani tetapi cara besar-besaran di satu-satu tempat sepertimana yang diterangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Besut tadi kerana kalau diberi seorang-seorang, susah. Lembu akan beranak dan terus beranak dan terus berkembang, mana tempatnya? Kalau seekor boleh dibuat satu kandang, tetapi kalau sudah 10 ekor, bagaimana hendak di kandang lagi? Dengan sebab itu, adakah cadangan pada masa yang akan datang untuk betul-betul hendak menolong petani-petani ini? Adakah cadangan begitu yang disediakan oleh Kementerian ini?

**Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi:** Tuan Yang di-Pertua, pihak MAJUTERNAK ada mempunyai rancangan untuk menolong petani-petani memelihara lembu secara besar-besaran. Dengan sebab itulah di tiap-tiap Rancangan MAJUTERNAK yang ada pada masa sekarang ini, (7 semua sekali), tanah seluas lebih kurang 5,000 ekar telahpun dirizabkan untuk Rancangan MAJUTERNAK, tetapi MAJUTERNAK cuma mengusahakan lebih kurang 3,000 ekar dan lembu lebih kurang 5,000 ekar akan ditempatkan di kawasan-kawasan itu, manakala Rancangan MAJUTERNAK itu telah dijalankan dengan beresnya, kawasan yang seluas 2,000 ekar yang berhampiran dengan Rancangan MAJUTERNAK itu akan dibuka pula dan kawasan ini akan diberi kepada

peserta-peserta yang terdiri daripada penduduk-penduduk yang ada di sekeliling rancangan itu dan pihak MAJUTERNAK akan menolong memberi secara pinjaman lembu-lembu kepada penternak-penternak itu dan ini akan dibayar balik. Dengan ini kita akan dapat membuat rancangan di satu-satu kawasan—3,000 ekar dibuka dan diuruskan oleh MAJUTERNAK dan 2,000 ekar akan diuruskan oleh peserta-peserta secara koperatif atau secara beramai-ramai.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Soalan tambahan. Berkenaan dengan soal (c) tadi Yang Berhormat Menteri kata rumput-rumput yang baik ialah stylo, centro, rumput gajah, rumput Guinea dan lain-lain lagi. Bolehkah Yang Berhormat Menteri beritahu berapa tan satu ekar rumput ini boleh didapati?

**Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta notis berkenaan dengan soalan itu. Kalau sekiranya beliau ingin mengetahui sejelasnya dijemput ke pejabat saya pada pagi esok.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Tuan Yang di-Pertua, saya tahu jagung yang muda satu ekar boleh dapat 30 tan dan stylo grass dan Guinea grass barangkali 5 tan sahaja satu ekar. Jikalau Yang Berhormat Menteri sedar, apakah rancangan Kementerian untuk memberi nasihat kepada orang-orang yang membela lembu supaya menanam jagung dan jangan menanam stylo grass, Guinea grass, elephant grass atau lain-lain.

**Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makanan lembu tidaklah dapat kita cuma gunakan jagung bahkan berkehendakkan rumput juga. Jadi dengan sebab itu, kita menasihatkan supaya rumput ditanam dan selain daripada itu dicampur pula dengan jenis-jenis makanan yang lain yang dibuat oleh FEEDMEAL. Berkenaan dengan rumput yang baik itu pada masa yang lampau satu ekar tanah yang ditanam rumput boleh digunakan untuk seekor ataupun dua ekor lembu. Tetapi pada hari ini kita telah dapat berjaya mengadakan rumput yang boleh digunakan atau diletakkan dua atau tiga ekor lembu bagi tiap-tiap seekor dan ada juga satu jenis rumput yang kita baharu dapat iaitu dengan menggunakan rumput ini berat lembu itu boleh bertambah lebih kurang satu paun tiap-tiap satu hari.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri tadi berkenaan dengan soalan (d) katanya, jenis lembu yang baik sekali ialah lembu dari Kelantan. Kalau baka lembu dari Kelantan baik sekali, apakah sebabnya Kerajaan mengeluarkan wang yang banyak untuk membeli lembu seperti jenis Santa Gertrudes daripada negeri-negeri lain dikacukkan dengan jenis lembu Kelantan?

**Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi:** Tuan Yang di-Pertua, daripada apa yang dikaji lembu jenis Kelantan/Kedah adalah baik dan juga baka lembu daripada India iaitu LID adalah juga baik. Kita membawah masuk baka-baka daripada luar iaitu daripada Amerika, Australia dan Eropah untuk dikacukkan supaya mendapat jenis atau baka yang lebih baik lagi. Saya rasa Ahli Yang Berhormat juga bersejua iaitu kita tidak patut berpuas hati dengan apa yang ada pada masa sekarang ini, tetapi kita harus membuat kajian yang lebih lagi bagi mendapatkan baka yang lebih baik lagi daripada apa yang ada sekarang ini.

**Tuan Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan hendak mendapatkan jenis-jenis lembu yang sesuai bagi Malaysia ini, saya ingin tahu, adakah sesuai satu jenis yang disebutkan jenis lembu "Bali" yang datang daripada Indonesia?

**Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi:** Tuan Yang di-Pertua, jenis itu juga boleh dikatakan sesuai, tetapi tidaklah begitu sesuai dari segi menjaga penyakit dan lain-lain jikalau dibandingkan dengan jenis-jenis yang saya sebutkan tadi iaitu Kelantan/Kedah dan LID, kerana dua jenis ini adalah tahan lasak. Jadi apabila diserang penyakit boleh tahan lebih daripada jenis-jenis lain yang ada.

**Tuan Hussain bin Haji Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut keterangan Yang Berhormat Menteri tadi ada benih-benih yang baik daripada Kelantan. Saya kurang jelas benih yang baik daripada Kelantan ini benih daripada jenis ibu ataupun jantan. Sebab biasa saya dengar jenis ibu yang baik daripada Kelantan.

**Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi:** Kuala Lumpur saya rasa jauh daripada Kelantan, Trengganu lebih dekat jadi barangkali Trengganu lebih tahu mana yang



baik. Dari segi siasatan dan kajian kita, baka yang datang daripada Kelantan juga adalah baik, cuma dia kecil sedikit tidak mempunyai daging yang banyak. Jadi dengan sebab itu kita cuba berikhtiar untuk mendapatkan daging banyak dan susu pun bertambah banyak lagi.

**Tuan Ng Hoe Hum:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan jenis lembu "Bali" yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, daging lembu Bali itu merah, walaupun lembunya kecil tetapi dagingnya banyak. Apa sebabnya lembu "Bali" tidak sebaik dengan lembu Kelantan?

**Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya sudah jawab masalah ini, bukan saya kata lembu itu tidak baik, tetapi dari segi menahan penyakit dan sebagainya tidaklah sebagaimana lasak dua jenis lembu yang saya sebutkan tadi.

## **MINYAK YANG DIKELUARKAN**

**9. Tuan Ng Hoe Hum** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) bilangan tong minyak petrol yang dikeluarkan oleh Malaysia sehari;
- (b) banyaknya minyak yang digunakan di seluruh Malaysia sehari;
- (c) mengapakah kilang menapis minyak di Malaysia tidak boleh menapis minyak mentah yang dikeluarkan di Malaysia; dan
- (d) perbezaan di antara minyak mentah dari Timur Tengah dan minyak mentah dari Malaysia.

**Menteri Perusahaan Utama (Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud):** Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun 1973:

- (a) Malaysia mengeluarkan 95,000 tong minyak sehari purata.
- (b) Dalam tahun itu juga Malaysia menggunakan purata 85,000 tong minyak sehari.
- (c) Kilang-kilang menapis minyak di Malaysia tidak boleh menapis minyak mentah yang dikeluarkan di Malaysia oleh sebab faktor-faktor teknikal dan ekonomik. Kilang-kilang di Port Dickson telah dibina khasnya untuk menapis minyak-minyak mentah yang

diimpot dari negeri-negeri Arab. Oleh kerana ada perbezaan teknik dan kandungan kemikalnya yang berlainan di antara minyak mentah daripada negeri Arab dan minyak keluaran Malaysia, maka kilang-kilang penapis yang dibina khas untuk menapis minyak mentah dari negeri-negeri Arab itu tidak boleh digunakan untuk menapis minyak keluaran Malaysia.

Minyak mentah Malaysia tidak banyak mengandungi belerang dan adalah "ringan" apabila dibandingkan dengan minyak mentah daripada negeri Arab yang "berat". Harga minyak mentah keluaran Malaysia adalah lebih tinggi di pasaran dunia dan minyak-minyak ini tidak memerlukan proses penapisan yang berlapis-lapis ataupun banyak dan untuk setengah-setengah kegunaan ianya boleh digunakan dalam bentuk aslinya (in the form of raw crude). Oleh yang demikian, adalah lebih ekonomik dan menguntungkan buat masa ini jika Malaysia mengeksportkan minyak mentahnya dalam bentuk aslinya daripada menapisnya dan seterusnya dijual.

- (d) Sebagaimana yang telah diterangkan minyak mentah Malaysia adalah "ringan" dan mengandungi sedikit sahaja belerang berbanding dengan minyak mentah Arab yang "berat", mengandungi banyak belerang dan memerlukan proses penapisan yang lebih banyak. Harga minyak mentah keluaran Malaysia juga adalah lebih tinggi daripada harga minyak mentah Arab yang kurang mutunya di pasaran dunia.

**Tuan Ng Hoe Hum:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri mengatakan negara kita mengeluarkan lebih banyak crude oil daripada kita pakai. Jikalau negara kita menjualkan crude oil itu kita dapat lebih banyak wang daripada kita impot daripada Saudi Arabia. Jikalau begitu, apa sebabnya harga petroleum products tidak turun, tetapi naik lagi?

**Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud:** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir saya sudah jawab soal ini beberapa hari dahulu. Ahli

Yang Berhormat hendaklah sedar walaupun minyak ini didapati daripada negeri kita, kita bukan mempunyai minyak itu. Kita hanya mendapat hasil daripada royalty sahaja.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Soalan tambahan. Kerajaan ini adalah Kerajaan untuk rakyat. Jikalau Kerajaan boleh mendapat lebih keuntungan, apa sebabnya rakyat tidak boleh mendapat untung?

**Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud:** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir susah saya hendak jawab Yang Berhormat itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau susah tidak payah dijawab. Bukan mesti dijawab tiap-tiap soalan.

**Dr Tan Chee Khoon:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar walaupun sekarang minyak mentah yang dikeluarkan oleh tanah-air kita harganya lebih daripada minyak mentah yang dikeluarkan daripada Asia Barat, tetapi pengilang-pengilang yang membawa minyak mentah daripada Asia Barat sekarang ingin menaikkan harga minyaknya. Kalau minyak yang diimport itu harganya dinaikkan, maka bukannya lebih sesuai kita menggunakan minyak mentah yang dikeluarkan di tanahair kita.

**Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud:** Tuan Yang di-Pertua, saya sudah sebutkan mengenai technical problems hendak menggunakan minyak yang diimport di kilang penapis yang khas didesign untuk minyak yang berat.

**Dr Tan Chee Khoon:** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar Menteri yang berkenaan telah beberapa kali menyatakan refinery di tanahair kita tidak boleh menapis minyak mentah yang diimport daripada Asia Barat. Yang Berhormat Menteri berkata kalau hendak diubah akan memakan perbelanjaan yang begitu banyak. Tetapi oleh sebab kita berharap makin lama pengeluaran minyak mentah daripada tanahair kita bertambah, tidakkah boleh kita membina sebuah refinery di Pantai Timur untuk menapis minyak mentah yang hendak dikeluarkan daripada tanahair kita?

**Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud:** Tuan Yang di-Pertua, satu lagi sebabnya mengapa kita tidak boleh menggunakan minyak kita dan ditapisan di sini ialah market considerations dalam Malaysia ini, iaitu pecahan barang-barang yang dijual diperbuat daripada minyak yang digunakan dalam Malaysia ini berkehendakan kepada minyak yang berat lebih, iaitu macam fuel low diesel dan kerosene yang hanya dapat digunakan dan diambil daripada minyak yang diimport. Minyak dalam negeri kita hanya dapat mengeluarkan gasolene sahaja lebih baik dan lighter diesel. Daripada segi kegunaan dalam pasaran negeri kita ini gasolene hanya 17% daripada kegunaan barang-barang minyak di negeri ini. Jadi kalau kita masukkan minyak ke dalam refinery kita sendiri di sini dan pengeluarannya itu barang yang banyak tidak dapat dijual dalam negeri, tetapi yang sedikit dapat kita ambil itu sahaja dapat digunakan dalam negeri. Ini bukan practical economic proposition bagi saya.

**Dr Tan Chee Khoon:** Menteri yang berkenaan menyatakan tadi kalau sekiranya kita membina sebuah refinery di tanahair kita tidak practical economic proposition. Walaupun kita tidak menggunakan begitu banyak petroleum dan by-products petroleumnya, tetapi kalau sekiranya kita ada membina sebuah refinery di Pantai Timur dan kita dapati by-products daripada minyak mentah, kalau tidak boleh digunakan di tanah air kita, kita boleh mengeksport benda-benda itu khususnya kalau sekiranya kita ada berkongsi atau joint venture umpamanya dengan Esso, dan Esso ada beberapa cawangan (branches) di seluruh dunia dan boleh menggunakan by-products yang kita tidak gunakan.

**Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud:** Tuan Yang di-Pertua, soal yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu ialah soal asas bagi kita. Adakah kita ingin hendak menentukan kegunaan minyak kita untuk energy, ataupun adakah kita hendak menggunakan minyak kita dalam negeri ini supaya dapat membangkitkan petrol-chemical industries? Saya sudah kaji soal ini. Pada pendapat saya lebih elok kita menekankan soal pembangunan petrol-chemical industries, kerana kegunaan-kegunaan dan sophistication ekonomi kita akan lebih luas kalau kita buat demikian daripada menentukan peranan kita hanya untuk menjual beberapa jenis energy

daripada gasolene dan lain-lain. Atas soal membuat refinery ini ada kaitanya dengan perkara-perkara yang saya sebut tadi. Kalau kita hendak membuat refinery, kita mesti tahu apa yang kita hendak buat barang-barang yang dikeluarkan daripada refinery itu. Kalau kita keluarkan gasolene barangkali designnya macam ini, kalau kita hendak keluarkan banyak naphtha designnya pula lain dan kalau kita hendak keluarkan xylene lain lagi designnya. Jadi proportion of the break-up of the petro-chemical products as feed-stock must be considered first before you design the refinery. Pada pendapat saya, saya sendiri tidak suka hendak membuat sebuah refinery khasnya untuk mengeluarkan the various form of energy from petroleum products, tetapi lebih baik untuk menyusun langkah supaya dapat mendirikan sebuah B.T. ex-plant misalnya yang boleh lagi menimbulkan banyak petro-chemical industries seperti membuat benzene, membuat xylene, untuk membuat plastik, untuk membuat polyester. Ini cara yang saya fikir lebih baik untuk Malaysia daripada soal menumpukan kepada hasil minyak kita yang lebih baik daripada soal mengeluarkan different forms of petroleum products.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sudah menjadi sebuah negara pengeluar minyak. Bolehkah Kerajaan menimbangkan untuk membolehkan rakyat mendapat faedah daripada pengeluaran minyak kita bahawa guna pendapatan (earnings) yang kita dapat daripada pengeluaran minyak untuk subsidise atau turunkan harga-harga petroleum dan diesel untuk pengguna-pengguna?

**Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud:** Tuan Yang di-Pertua, ini satu soal yang memang kita akan timbangkan. Soalnya adakah kita mampu untuk menjalankan dasar ini sekarang ataupun kita akan timbulkan soal ini apakala pengeluaran minyak kita sudah cukup banyak. Saya pernah bercakap dalam Dewan ini dahulu bahawa menjelang tahun 1978 apakala Malaysia mengeluarkan minyaknya lebih kurang 1½ juta tong satu hari, maka soal-soal kemampuan barangkali dapat kita timbang, dan satu jawapan mungkin akan dapat kita perolehi. Dan satu dasar barangkali boleh kita buat dalam mana kita mengatakan kita jual minyak yang kita dapat daripada domestic supply obligations iaitu minyak yang khas

dijual oleh companies untuk memenuhi keperluan dalam negeri itu keluar negeri. Kita gunakan wang ini untuk membeli minyak dari luar negeri dan barangkali pada masa itu, saya fikir dapatlah kita mengadakan harga gasolene dan lain-lain dengan harga yang lebih rendah daripada negara-negara yang lain yang tidak mengeluarkan minyak.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Tuan Yang di-Pertua, tidak lama dahulu Yang Berhormat Menteri ada berkata, Kerajaan hendak menubuhkan satu kilang penapis crude oil, namanya Hikmat. Tetapi bolehkah kilang Hikmat (magic) ini memproses crude oil? Bolehkah Yang Berhormat Menteri beri tahu kilang penapis minyak itu hendak menapis minyak dari Sarawak atau Saudi Arabia?

**Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud:** Tuan Yang di-Pertua, soal ini kalau kita hendak buat refinery, kita hendaklah pentingkan soal petro-chemical development dan kita gunakanlah minyak kita untuk itu, tetapi kalau kita dapat beli juga minyak lain untuk membesarkan capacity minyak kita sendiri, maka boleh kita gunakan minyak daripada tempat lain, kerana minyak kita adalah cukup bersih untuk dicampurkan dengan minyak-minyak daripada luar.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Dalam ucapan Yang Berhormat Menteri tadi, beliau kata minyak daripada Saudi Arabia berat dan minyak daripada Sarawak ringan. Saya ingat minyak dari Saudi Arabia has got a paraffinic base dan minyak dari Sarawak has got a naphthalinic base.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat hendak buat soalan atau hendak apa?

**Tuan Ng Hoe Hun:** Saya hendak beri penjelasan. Apa sebabnya Kerajaan Malaysia tidak boleh suruh syarikat-syarikat penapis minyak menapis minyak dari Sarawak. Jikalau Shell Singapura boleh, apa sebab Shell atau Esso Malaysia tidak boleh?

**Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud:** Barangkali kalau Ahli Yang Berhormat selidiki dengan dalam minyak Sarawak itu ada digunakan untuk refinery di Singapura, tetapi untuk campuran sahaja, "as blenders" bukan sebagai minyak untuk ditapis dengan sendirinya.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Minyak dari Sarawak ditapis oleh Syarikat-syarikat Shell atau Esso di Malaysia, bolehkah rakyat mendapat harga minyak yang murah sedikit?

**Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya, Shell di Port Dickson ada menggunakan minyak-minyak kita sendiri sebagai blenders, dan oleh sebab itulah harga Shell lebih mahal sedikit, kerana minyak dari Sarawak lebih mahal daripada minyak Saudi Arabia.

**Tuan Valentine Cotter:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Kementerian Perusahaan Utama akan membuat lebih banyak lagi research mencari minyak-minyak petrol di negara kita ini?

**Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud:** Saya tidak faham berkenaan dengan research, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Adakah dibuat research, untuk mencari lagi telaga-telaga minyak?

**Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud:** Saya fikir dalam soal ini, tidak payahlah buat research. Kalau kita hendak buat research banyak ceritanya. Apa yang kita boleh buat ialah kita galakkan syarikat-syarikat yang besar untuk menjalankan prospecting untuk menjalankan geophysical survey kalau ada tandanya ditebuk ada atau tidak minyak. Soal-soal research ini susah sedikit hendak di jawab.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini iaitu apa tindakan telah diambil oleh Kementeriannya untuk menjamin bahawa minyak-minyak yang kita keluarkan dalam negeri kita boleh dapat lebih keuntungan, dan bukan semua keuntungan atau kebanyakannya didapati oleh syarikat-syarikat minyak antarabangsa. Dua tiga bulan dahulu Yang Berhormat Menteri berkata beliau akan membentangkan Profit Sharing Bill kepada Dewan ini, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu bila bill itu akan dibentangkan?

**Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud:** Perkara ini sedang dikaji dengan dalamnya oleh sebuah committee yang mengandungi

banyak Kementerian. Kalau tidak ada lagi banyak masalah barangkali akan dibentangkan dalam mesyuarat Parlimen akan datang.

**Dr Tan Chee Khoon:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah benar di antara sebab-sebab kelewatan kajian ini ialah pengkilang-pengkilang atau syarikat-syarikat minyak di tanahair kita tidak mahu memberi kosnya (cost of production) kepada Kerajaan kita?

**Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud:** Berkenaan cost of production saya fikir, syarikat-syarikat ini akan memberi the detail cost of production. Saya agak mereka meminta izin daripada Ibu Pejabat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan tambahan. Dua tiga bulan yang lalu Yang Berhormat Menteri ada mengatakan bahawa Kerajaan hendak menubuhkan sebuah kilang penapis minyak (refinery) untuk minyak-minyak kita sendiri. Tetapi daripada jawapan Yang Berhormat Menteri tadi mengatakan tidak ada cadangan di masa depan untuk membina refinery. Adakah itu bererti bahawa Kementeriannya telah menukar keputusan mengenai penubuhan satu refinery untuk minyak-minyak kita sendiri. Jikalau benar, kenapa?

**Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud:** Tuan Yang di-Pertua, yang saya kata dalam konteks kalau hendak guna minyak kita sendiri untuk refinery, maka lebih elok kita buat refinery yang boleh mengeluarkan petroleum product yang boleh menjadi feed-stock kepada petro chemical industry. Selain daripada itu, kalau ada syarikat buat refinery menggunakan minyak daripada luar negeri kita tidak menahan, malahan kita suka mereka buat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan-jawapan bagi Pertanyaan No. 10 hingga 40 adalah diberi di bawah ini).*

## GETAH SEBAGAI BAHAN MENTAH

**10. Tuan Peter Paul Dason** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk menggalakkan penubuhan:

- (i) Perusahaan-perusahaan yang menggunakan getah sebagai bahan mentah mereka;
- (ii) Perusahaan-perusahaan yang menggunakan minyak kelapa dan minyak kelapa sawit sebagai bahan mentah; dan
- (iii) Perusahaan perabot "Knock Down" dalam negara kita.

**Menteri Perusahaan Utama (Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud):** Tuan Yang dipertua,

- (i) Adalah dasar Kerajaan nienggalakan penubuhan perusahaan-perusahaan menggunakan getah sebagai bahan mentah. Di antara galakan-galakan yang diberi oleh Kerajaan termasuklah taraf printis, kredit cukai pelaburan (investment tax credit) dan pengecualian daripada cukai ses penyelidikan dan tanaman semula.

Sehingga ini sebanyak 284 syarikat menggunakan getah sebagai bahan mentah telah ditubuhkan dan hasil daripada pengeluaran syarikat-syarikat tersebut berjumlah sebanyak \$100 juta setahun. Selain daripada galakan-galakan yang disebutkan tadi Kerajaan juga telah menghantar beberapa rombongan ke luar negeri untuk menarik penanaman modal asing ke negeri ini dengan tujuan untuk memberi maklumat-maklumat mengenai "potential" dan peluang-peluang yang ada di dalam negeri ini, termasuklah di dalam bidang pengeluaran barang-barang yang diperbuatkan daripada getah. Kerajaan juga telah mengadakan seminar-seminar untuk membincang kemajuan dan mengemukakan pembaharuan kegunaan getah. Baru-baru ini kita telah mengadakan satu seminar iaitu, Rubber Engineering Conference di Kuala Lumpur yang mempunyai tujuan-tujuan yang sama.

Di samping itu, Kerajaan juga sedang menubuhkan satu Pusat Teknologi di bawah Pusat Penyelidikan Getah Malaysia untuk menyiasat barang-barang yang boleh diperbuat daripada getah. Kajian yang telah dibuat pada masa-masa yang lepas menunjukkan bahawa masa hadapan bagi perusahaan menggunakan getah asli di

negara kita ini sangatlah baik dan Kerajaan sentiasa memberi keutamaan dan sokongan yang penuh terhadap permohonan-permohonan untuk menubuhkan perusahaan yang menggunakan getah sebagai bahan mentah. Oleh yang demikian saya berseru kepada rakyat supaya mengambil peluang ini dan menggunakan segala pendapat yang diperolehi daripada usaha-usaha penyelidikan dan pembaharuan yang telah dijalankan oleh pihak Kerajaan di bawah anjuran Lembaga Kemajuan dan Penyelidikan Getah Malaysia.

- (ii) Saya ingin menyatakan bahawa Kerajaan telah mengambil langkah-langkah yang tegas untuk menggalakkan penubuhan perusahaan-perusahaan tempatan yang menggunakan kelapa sawit dan minyak kelapa sebagai bahan mentah mereka. Syarikat-syarikat ini yang bertujuan untuk mengeluarkan atau memproses minyak-minyak sayuran kepada barang-barang pengeluaran yang lain telah diberi galakan-galakan untuk menanam modal seperti "pioneer status" (tax holiday) atau investment tax credit. Sehingga ini pelaksanaan dasar Kerajaan telah menghasilkan satu perusahaan-perusahaan minyak sayuran yang baik di dalam mana tidak kurang daripada 70 kilang sedang giat menjalankan pengeluaran minyak kelapa, minyak kelapa sawit dan biji kelapa sawit serta juga membuat barang-barang dengan menggunakan minyak-minyak tersebut dengan proses-proses seperti "fractionation, hydrogenation dan pengeluaran cuka, lemak dan glycerine." Hasil daripada perindustrian ini termasuklah barang-barang seperti minyak untuk memasak, majerine, vanaspati, sabun, barang solek dan detergents. Semua perusahaan-perusahaan ini adalah separuh atau kesemuanya mengeksport pengeluaran-pengeluarannya.

Sebagai usaha-usaha yang lain memperlaksanakan dasar-dasar ini Kerajaan telah dengan berkesan memberi pengecualian cukai di mana perlu ke atas mesen yang diimpot oleh kilang-kilang tersebut. Disamping itu Kerajaan juga telah setiap masa memberi galakan yang perlu kepada negara-negara yang menggunakan barang-barang mentah ini

melalui rombongan perdagangan atau pelaburan supaya menubuhkan perusahaan-perusahaan ini di Malaysia serta menambahkan pembelian barang-barang yang dikeluarkan di Malaysia. Usaha-usaha penyelidikan yang khas juga sedang diberi keutamaan oleh MARDI di dalam bidang penggunaan supaya mempercepatkan perkembangan perusahaan-perusahaan ini dan memperbaiki mutu teknik pengeluaran-pengeluaran yang berdasarkan penggunaan minyak kelapa sawit dan minyak kelapa.

- (iii) Adalah menjadi dasar Kerajaan untuk menggalakkan penubuhan perusahaan-perusahaan yang menggunakan bahan-bahan mentah tempatan. Ini termasuklah penubuhan perusahaan perabot "knock down" yang diperbuat daripada sumber kayu-kayan tempatan dan juga rotan. Di antara galakan-galakan yang diberi oleh Kerajaan bagi membuat perabut-perabut "knock down" ialah taraf printis. Sehingga ini sebanyak 15 buah syarikat telah diberi kelulusan untuk membuat perabut-perabut "knock down" atau komponen-komponennya. 10 daripadanya telah diberi kelulusan taraf perintis dan juga lainnya kelulusan tanpa galakan-galakan cukai.

Kerajaan juga telah membuat satu kajian "product promotion" berkenaan dengan perabut "knock down" dalam tahun 1970 dan kajian tersebut telahpun diedarkan kepada pihak swasta dan badan-badan berkanun untuk pengetahuan dan perhatian mereka. Selain daripada itu rombongan-rombongan penanaman modal dan perdagangan juga telah dihantar ke negara-negara seperti Amerika Syarikat dan Scandinavia untuk menarik pelabur-pelabur menubuhkan perusahaan-perusahaan kayu-kayan seperti perabut "knock down".

### PERSATUAN PELADANG

**11. Tuan Abu Bakar bin Umar** minta Menteri Pembangunan Ekonomi Desa menyatakan sejak Akta Persatuan Peladang dikuatkuasakan berapa bilangan Persatuan-

persatuan Peladang yang telah ditubuhkan di tiap-tiap negeri dalam Malaysia dan berapa bilangan yang telah memenuhi keperluan peladang-peladang sepertimana yang terkandung dalam Akta itu.

**Menteri Pembangunan Ekonomi Desa (Tuan Abdul Ghafar bin Baba):** 120 buah Persatuan Peladang Kawasan, 9 buah Persatuan Peladang Negeri dan sebuah Persatuan Peladang Kebangsaan. Kesemua Persatuan-persatuan Peladang ini mempunyai ahli lebih dari 100,000 keluarga secara tidak langsung memenuhi keperluan semua peladang-peladang di dalam 120 buah kawasan Kemajuan Peladang.

### KAPAL HAJI DI PELABUHAN KELANG

**12. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada benar bahawa gas pemedih mata telah digunakan untuk menyuraukan orang ramai di Pelabuhan Kelang sewaktu kapal haji hendak berlayar baru-baru ini, dan jika ya, apakah langkah-langkah yang lebih baik yang boleh diambil oleh pihak berkuasa yang berkenaan untuk mengelakkan terjadinya kejadian serupa itu pada masa hadapan.

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):** Ya, memang benar berlaku.

Pada 26-3-74 anggota Pasukan Simpanan Persekutuan telah diarahkan menjaga pintu masuk supaya orang awam dapat disalurkan ke kapal Haji melalui gudang di Pelabuhan Kelang. Orang awam lelaki sahaja dibenarkan naik ke kapal pada masa ini supaya mengelakkan desakan. Orang-orang perempuan dan kanak-kanak dibenarkan masuk ke kapal apabila desakan orang ramai telah kurang.

Dalam kesesakan orang ramai di pintu masuk beberapa orang telah merempuh dan bertolak-tolak satu sama lain sehingga menjadi tiada terkawal. Orang-orang awam juga menolak papan-papan yang disusun sebagai alat saluran ke pintu masuk dan menjadi merbahaya jika tidak mengambil langkah-langkah serta-merta. Di dalam masa ini seorang Kopral telah menggunakan "Chemical Mace" iaitu sepancut pendek menghala ke atas dan orang ramai dapat dikawal semula dengan tiada kemalangan apa-apa.

Kejadian ini berlaku di pintu masuk ke dalam gudang pelabuhan ke kapal yang kembali dari Jeddah dan bukan sewaktu Kapal Haji hendak belayar.

### BANJIR—KAWALAN

**13. Dr Tan Chee Khoo** bertanya kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan jika beliau sedar bahawa apabila hujan lebat sedikit di Kuala Lumpur, kawasan berikut akan banjir:

- (1) Kawasan Tiong Nam
- (2) Pasar Borong Jalan Maxwell
- (3) Kg. Kasipillay
- (4) Jalan Kolam Ayer
- (5) Bamboo Garden di Jalan Ipoh.

Oleh kerana sekarang kawasan di atas termasuk dalam Wilayah Persekutuan, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh menteri yang berkenaan untuk mengawal banjir yang berlaku saban kali di kawasan tersebut.

**Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan (Datuk Ong Kee Hui):** Ya. Saya sedar mengenai banjir kilat yang berlaku dalam kawasan-kawasan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat apabila sahaja berlaku hujan lebat.

Sebagaimana yang saya telah sebutkan di Dewan ini dahulu, pihak Kerajaan telah menubuhkan suatu Suruhanjaya Kawalan Banjir guna mengkaji keadaan banjir dalam kawasan Kuala Lumpur. Suruhanjaya ini telah menyediakan satu Rancangan Pencegah Banjir yang lengkap bagi Kuala Lumpur dan cadangan-cadangan yang dikemukakan ini telah diluluskan oleh pihak Kerajaan dalam bulan November lalu. Berikutan dari keputusan ini, maka Biro Reklaması Jabatan Dalam Negeri Amerika Syarikat telah dilantik untuk menjalankan kajian awal, merakabentuk dan menyeliaikan pembinaan untuk meninggikan lagi Ampangan Genting Kelang sekarang dan juga pembinaan Ampangan di Sungai Batu. Penyiasatan dan perancangan secara teliti untuk memperbaiki terusan sungai-sungai itu sedang berjalan sekarang.

Sebuah Jawatankuasa Teknik Bersama yang mengandungi pegawai-pegawai dari Jabatan-jabatan Persekutuan dan Negeri akan ditubuhkan tidak lama lagi guna

menyelaraskan perancangan dan perlaksanaan bagi memperbaiki sistem pamaritan samada di dalam atau di luar Wilayah Persekutuan.

### KERETA KEBAL

**14. Tuan V. David** bertanya kepada Menteri Pertahanan menyatakan samada benar kereta-kereta kebal telah dibeli oleh Kementerian Pertahanan baru-baru ini. Adakah tawaran dipanggil dalam perkara tersebut. Siapakah yang membuat tawaran dan siapakah yang berjaya. Bagaimanakah pilihan telah dilakukan. Adakah berdasarkan kepada kadar yang rendah.

**Menteri Pertahanan (Datuk Hamzah bin Datuk Abu Samah):** Kementerian saya tidak ada membeli kereta-kereta kebal.

### GURU-GURU BAHASA MALAYSIA

**15. Dr Chen Man Hin** minta Menteri Pelajaran nyatakan:

- (a) Kadar guru-guru Bahasa Malaysia yang terlatih berbanding dengan jumlah murid-murid di sekolah-sekolah jenis kebangsaan China dan Inggeris, dan
- (b) Kadar guru dan pelajar bagi Kelas Sains dan Ilmu Hisab di sekolah-sekolah yang pelajar-pelajarnya dalam persediaan untuk peperiksaan SPM berbanding dengan kadar di sekolah-sekolah jenis kebangsaan (Inggeris).

**Menteri Pelajaran (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob):** Kadar-kadarnya adalah seperti berikut:

- |   |       |
|---|-------|
| (a) Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan (Inggeris) ... | 94:1  |
| Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China) ...         | 249:1 |
| (b) Sekolah Menengah Kebangsaan ...                 | 169:1 |
| Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan ...               | 102:1 |

### LETRIK DI SABAH—BAYARAN

**16. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Panglima Abdullah** minta Menteri Kerja Raya dan Tenaga menyatakan samada Kerajaan ber-

cadang menurunkan kadar bayaran letrik di Sabah supaya sama dengan kadar bayaran yang dikenakan di Semenanjung Malaysia; jika tidak, mengapa.

**Menteri Kerja Raya dan Tenaga (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong):** Pada masa ini, belum ada lagi cadangan untuk menurunkan pembayaran letrik di Sabah untuk menyamakan kadar bayarannya dengan Semenanjung Malaysia. Sebab yang utama ialah, perbelanjaan untuk mengeluarkan tenaga letrik di Sabah adalah lebih tinggi apabila dibandingkan dengan Semenanjung Malaysia oleh kerana perijanaan tenaga letrik di negeri itu keseluruhannya adalah dijalankan oleh minyak disel. Walau bagaimanapun apabila penijanaan letrik oleh kuasa haidero telah diselenggarakan kelak, kemungkinan bagi menurunkan kadar bayaran letrik yang dikenakan akan dapat dipertimbangkan.

Untuk makluman kepada Yang Berhormat, Lembaga Letrik Sabah mulai 1hb Januari, 1973 telah mengurangkan bayaran penggunaan letrik di daerah luar-luar bandar di Sabah, walaupun perbelanjaan untuk mengeluarkan tenaga letrik di luar bandar itu lebih tinggi apabila dibandingkan dengan kawasan-kawasan bandar. Sebelum penyamaan di atas, ada terdapat dua taraf tentang bayaran letrik di Sabah—satu dikenakan untuk Stesyen-stesyen Besar dan yang satu lagi dikenakan untuk Stesyen-stesyen Kecil dan Luar Bandar. Berakibat dengan pengurangan bayaran letrik di luar-luar bandar ini, Sabah sekarang telah mendapat satu bayaran yang sama untuk keseluruhannya.

Ingin dijelaskan juga bahawa dengan kenaikan harga minyak baru-baru ini, perbelanjaan yang ditanggung oleh Lembaga Letrik Sabah bagi mengeluarkan tenaga letrik telah meningkat dan yang demikian sebarang penurunan dalam tariff yang dikenakan adalah sukar untuk dilakukan.

### LESEN-LESEN TEKSI

**17. Dr Chu Chee Peng** bertanya kepada Menteri Perhubungan memandangkan bertambahnya penduduk samada Kementerian beliau akan menimbang memberikan lebih banyak lesen-lesen teksi di kawasan-kawasan bandar dan luar bandar.

**Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir):** Kementerian saya sentiasa mengkaji kemudahan-kemudahan teksi kepada orang-orang ramai dari masa ke semasa, baik di kawasan bandar atau luar bandar. Apabila didapati bilangan teksi-teksi berkurangan, Kementerian saya akan menambah teksi-teksi untuk mengatasi kekurangan yang terdapat di tempat-tempat yang berkenaan itu.

### RANCANGAN RUMAH MURAH DI SARAWAK

**18. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong** minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan menyatakan kedudukan sekarang tentang rancangan-rancangan rumah murah untuk penduduk-penduduk luar bandar Sarawak, seperti yang dijanjikan oleh Allahyarham Timbalan Perdana Menteri dahulu semasa beliau melawat Bahagian Kedua Sarawak pada satu ketika dalam tahun 1972.

**Datuk Ong Kee Hui:** Saya ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan Persekutuan telah meluluskan wang pinjaman sebanyak \$5 juta kepada Kerajaan Negeri Sarawak untuk melaksanakan rancangan-rancangan perumahan awam bagi penduduk-penduduk luar bandar Sarawak. Kerajaan Negeri Sarawak telah menubuhkan satu badan iaitu Suruhanjaya Kemajuan Perumahan Sarawak untuk menjalankan pembinaan rumah-rumah murah bagi maksud yang sama.

### PERKHIDMATAN TALIPON

**19. Tuan Yeoh Teck Chye** bertanya kepada Menteri Perhubungan mengapakah pemohon talipon terpaksa menunggu begitu lama, kerana kekurangan kelengkapan. Jika ya, mengapa beliau tidak membuat peruntukan bagi memenuhi permintaan talipon itu.

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Saya suka menerangkan bahawa kecepatan memberi perkhidmatan talipon di sesuatu tempat, adalah bergantung kepada tersedianya alat-alat dan loji di kawasan tersebut dan juga alat-alat nombor di ibusawat. Bagi kawasan-kawasan yang memerlukan talipon yang telah diberitahu lebih-lebih awal kepada Jabatan Talikom untuk merancang dan memasang



alat-alat dan loji tersebut maka perkhidmatan boleh diberi pada masa yang dikehendaki. Bagi kawasan-kawasan yang memerlukan talipon, tetapi tidak diberitahu kepada Jabatan Talikom pada awal-awalnya, maka perkhidmatan ini boleh diberi cuma setelah siap alat-alat dan loji-loji yang perlu dipasang. Lamanya masa dikehendaki bergantung kepada berapa besarnya kerja yang terlibat. Jabatan Talikom sedang membelanjakan sebanyak \$92.5 juta atas alat-alat nombor bagi ibu-sawat yang boleh memberi 100,000 nombor talian tambahan dan \$95 juta bagi kebel-kebel dan alat talipon. Saya suka menasihatkan institusi-institusi pembangunan supaya memberitahu lebih-lebih awal-awal lagi rancangan mereka yang akan memerlukan perkhidmatan talipon supaya Jabatan Talikom membuat persediaan.

#### KAMPUNG-KAMPUNG BARU— PELAN INDOK

20. Tuan Hor Cheok Foon minta Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Penyelarasan Kampung-kampung Baru menyatakan:

- (a) bila beliau cadang hendak mengeluarkan Pelan Induk untuk memberi peransang kepada kampung-kampung baru untuk terus membawa perkembangan kemajuan ekonomi kepada negeri ini; dan
- (b) sebutkan peruntukan yang ada dan cara-cara mengujudkan pelan tersebut.

**Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Penyelarasan Kampung-kampung Baru (Datuk Lee San Choon):** Soalan yang hampir-hampir sama maksudnya telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu di persidangan Dewan ini pada 16hb Mei, 1972 dan dijawab.

Saya tidak fikir mustahak diulangi jawapan itu tetapi saya suka memberi sedikit keterangan atas perkembangannya, iaitu Kerajaan telah mengadakan peruntukan berjumlah \$10 juta ringgit di bawah Rancangan Malaysia Kedua untuk membantu Kerajaan-kerajaan Negeri melaksanakan projek-projek perlu di kampung-kampung baru dan perlaksanaannya telahpun dimulakan dalam tahun lalu.

#### KUCING-KUCING DI HOSPITAL KAJANG

21. Tuan V. David bertanya kepada Menteri Kesihatan apakah tindakan yang telah diambil untuk memperbaiki kedudukan di Hospital Kajang yang didapati penuh dengan kucing semasa beliau membuat lawatan ke hospital tersebut baru-baru ini.

**Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew):** Pihak-pihak berkuasa hospital sentiasa menangkap kucing-kucing di hospital-hospital untuk diserahkan kepada Jabatan Haiwan bagi tindakan sewajarnya. Saya juga telah membuat rayuan kepada orangramai untuk mendapat kerjasama mereka supaya jangan membuang kucing-kucing mereka di kawasan hospital-hospital.

#### MINYAK PETROL DI JOHOR BHARU

22. Tuan Abu Bakar bin Umar minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan setakat manakah yang telah dilaksanakan dan berkesan arahan beliau kepada semua pam mengisi minyak petrol di Johor Bharu supaya memberikan segelen minyak petrol sahaja kepada kereta-kereta yang kembali ke Singapura.

**Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud:** Arahan Kerajaan berkenaan perkara penjualan minyak kepada kereta yang berdaftar di Singapura ialah untuk menghadkan penjualan kepada satu gelen sahaja bagi satu-satu kereta. Hanya lima buah stesyen minyak petrol sahaja di daerah Johor Bharu dibenarkan menjual kepada kereta-kereta yang berdaftar di Singapura. Tiap-tiap pemandu kereta Singapura diberi satu kad untuk kegunaan membeli minyak.

Daripada angka-angka yang dikumpulkan oleh Jabatan Kastam yang mengawasi penjualan minyak dengan menempatkan pegawai-pegawai Jabatan itu di stesyen-stesyen minyak petrol tersebut dan juga angka-angka yang didapati daripada syarikat-syarikat minyak bahawa arahan Kerajaan adalah dipatuhi. Ada juga ura-ura setengah-setengah stesyen pam minyak petrol yang lain tidak mengikuti arahan ini. Perkara ini adalah didalam siasatan dan syarikat-syarikat minyak telahpun memberi jaminan bahawa mereka akan memberhentikan bekalan minyak kepada stesyen-stesyen minyak petrol yang tidak mematuhi arahan Kerajaan itu.

## TANAMAN PADI

**23. Pengarah Rabun anak Debak** minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan bilakah sekiranya penanaman padi sepanjang Jalan Gedong (Antara Bandar Serian dan Kampung Gedong) di Bahagian Pertama, Sarawak akan dilaksanakan.

**Menteri Pertanian dan Perikanan (Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi):** Menurut Kerajaan Negeri Sarawak Kawasan Lembah Sungai Krang berhampiran dengan Gedong itu mempunyai potensi untuk tanaman padi tetapi kajian-kajian lanjut perlu dijalankan terlebih dahulu selepas kawasan-kawasan yang telah dipilih bagi tanaman padi besar-besaran selesai dikaji. Kerajaan Negeri Sarawak memberitahu bahawa kajian kawasan-kawasan untuk tanaman padi termasuk Lembah Sungai Krang dekat Gedong itu akan mengambil masa yang panjang dan satu tarikh belum lah dapat diberi bila Rancangan Tanaman Padi di Lembah Sungai Krang dekat Gedong itu dapat dilaksanakan.

## BAHASA INGGERIS—CALUN SPM YANG GAGAL

**24. Dr Tan Chee Khoo** bertanya kepada Menteri Pelajaran jika beliau dapat memberikan angka jumlah calun yang mengambil S.P.M. dalam tahun 1973 dan berapa ramai antara mereka yang gagal semata-mata kerana gagal dalam kertas Bahasa Inggeris. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Menteri tersebut untuk memperbaiki mutu pengajaran Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah luar bandar terutama di peringkat Tingkatan III dan Tingkatan V.

**Tuan Haji Mohamed bin Yaacob:** Jumlah calun-calun yang mengambil S.P.M. adalah 10,520 orang. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, Bahasa Inggeris bukanlah satu matapelajaran yang diwajibkan lulus. Kalau ada penuntut yang gagal disebabkan gagal dalam Bahasa Inggeris atau Bahasa Inggeris Khas ini adalah disebabkan mereka gagal memenuhi syarat kelulusan kumpulan mata-pelajaran.

Langkah yang telah diambil untuk memperbaiki matapelajaran Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah luar bandar terutama di peringkat Tingkatan III dan Tingkatan V ialah seperti berikut:

- (i) Mengadakan kempen Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah untuk menggalakkan kegunaan Bahasa Inggeris.
- (ii) Mengadakan Kursus Dalam Perkhidmatan bagi guru-guru Bahasa Inggeris di sekolah beraliran Melayu.
- (iii) Menambah lagi bilangan guru-guru pelatih yang akan mengajar Bahasa Inggeris dan mengawas dengan ketat penempatan mereka di sekolah-sekolah di luar bandar, terutama di peringkat Tingkatan III dan V.
- (iv) Meluaskan lagi kemudahan-kemudahan perpustakaan bagi matapelajaran Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah.

## KABIN KAPAL HAJI

**25. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas menyatakan samada Kerajaan sedar tentang perkhidmatan yang kurang memuaskan, kelambatan berlepas dan keadaan hawa yang kurang baik di dalam kabin kapal haji pada masa sekarang; dan jika ya, apakah usaha-usaha yang telah dibuat untuk memperbaiki keadaan ini.

**Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas (Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda):** Berkenaan dengan "keadaan hawa yang kurang baik di dalam kabin kapal haji" seperti yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah seperti mana yang diumumkan bahawa kedua-dua kapal haji yang membawa Jemaah Haji Malaysia ke Tanah Suci ada dilengkapi dengan hawa dingin bukan sahaja ke Kabin, juga ke pitak-pitak kelas Pelancung. Adapun Jemaah Haji yang tinggal di dalam kabin bukan sahaja dapat kemudahan hawa dingin tetapi juga dapat menikmati angin laut jika mereka ingin, dengan jalan membuka jendela-jendela yang sedia ada.

Berkenaan dengan kelambatan berlepas telahpun saya berikan jawapan saya dalam soalan yang hampir sama pada 17-4-74.

Pihak Lembaga Urusan dan Tabung Haji berazam untuk memperbaiki lagi semua

aspek perkhidmatannya terhadap Jemaah Haji pada musim-musim Haji yang akan datang dengan berbagai cara, terutamanya dengan menyusun dan memperbaiki lagi perkhidmatan termasuk perkhidmatan kebajikan.

### PEKERJA-PEKERJA MENGIKUT KAUM

26. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan:

- kadar pekerja mengikut bangsa di semua badan-badan atau agensi-agensi Kerajaan serta swasta dalam tahun 1972, 1973 hingga bulan Mac ini;
- kadar pengangguran mengikut bangsa di semua sektor-sektor Kerajaan baik pun swasta dalam tahun 1972, 1973 hingga bulan Mac ini; dan
- langkah-langkah yang telah diambil bagi menyelesaikan masalah pengangguran.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tan Sri V. Manickavasagam):

- Kementerian saya tidak mempunyai keseluruhan maklumat-maklumat yang dipinta. Walau bagaimanapun, kami ada mempunyai maklumat-maklumat mengenai perusahaan-perusahaan dan pertubuhan-pertubuhan tertentu.
- Kementerian saya tidak mempunyai angka pengangguran yang sepenuhnya dalam negara ini. Walau bagaimanapun, rekod-rekod pendaftar nama dengan Perkhidmatan Pekerjaan di bawah Kementerian saya ada disimpan, tetapi angka-angka ini tidaklah mencerminkan gambaran sepenuhnya keadaan pengangguran dalam negara ini.

Bilangan pendaftar-pendaftar, nama di Perkhidmatan Pekerjaan mengikut pecahan kaum bagi tahun 1972, 1973 dan 1974 (hingga bulan Februari) adalah seperti berikut:

Tahun	Bangsa	
1972	Melayu ...	73.9%
	China ...	9.3%
	India ...	16.5%
	Lain-lain ...	0.3%
	Jumlah ...	100%

Tahun	Bangsa	
1973	Melayu ...	74.8%
	China ...	7.7%
	India ...	17.2%
	Lain-lain ...	0.3%
	Jumlah ...	100%

Tahun	Bangsa	
1974 (sehingga 28-2-74)	Melayu ...	74.9%
	China ...	8.2%
	India ...	16.6%
	Lain-lain ...	0.3%
	Jumlah ...	100%

- Tindakan yang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah pengangguran telah dicatit dengan terangnya dalam Rancangan Malaysia Kedua dan dalam Kajian Semula Rancangan Malaysia Kedua.

Kementerian saya terus memperkembangkan Perkhidmatan Pekerjaan dengan menubuhkan banyak lagi Pejabat-pejabat Pekerjaan di kawasan-kawasan separuh bandar dan kawasan-kawasan luar bandar untuk membantu lebih ramai lagi mendapatkan peluang-peluang pekerjaan.

Setakat 31-3-74, Kementerian saya mempunyai 23 Pejabat-pejabat Pekerjaan sepenuh masa dan 31 Pejabat-pejabat Pekerjaan separuh masa di seluruh negara. Perkhidmatan Pekerjaan telah menempatkan 38,580 orang untuk bekerja dalam tahun 1973.

### IMPOT GARAM

27. Dr S. Seevaratnam minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan samada beliau sedar atau tidak tentang kenaikan harga garam yang lebih daripada 200% di dalam enam bulan yang lepas yang telah mengakibatkan kesulitan yang amat sangat kepada nelayan-nelayan Malaysia, terutamanya nelayan-nelayan dari Pulau Pangkor, Perak dan daripada negeri-negeri Pantai Timur yang menggunakan lebih banyak garam untuk menggaramkan tangkapan

mereka dan minta Menteri berkenaan menyatakan sama ada beliau akan memberi subsidi bagi harga garam untuk lama supaya kesulitan mereka dapat diatasi.

**Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi:** Mengikut perangkaan perdagangan luar bagi 1973 harga impot garam ialah pada purata 6.78 sen sepaun (lb). Hanya dalam bulan Disember harga garam telah naik kepada 9.54 sen sepaun. Dalam bulan Januari 1974 ia turun balik kepada 8.12 sen sepaun dan dalam bulan Februari kepada 6.24 sen sepaun.

Kebanyakan nelayan-nelayan kecil menjual ikan tangkapannya kepada pemborong-pemborong termasuk nelayan-nelayan yang mengusahakan pukat dan bubu sebelum digaram. Nelayan-nelayan dan Syarikat-syarikat yang memperoses ikan tangkapan mereka dengan cara mengeringmasin ikan menggunakan garam kasar. Perusahaan yang demikian itu banyak dilakukan di Pulau Pangkor, di Pulau Langkawi, Pulau Pinang, Dungun, Kuala Trengganu dan di Tumpat. Pada purata, lebih kurang 90,000 tan ikan yang diperoses dengan cara tersebut menggunakan garam kasar yang diimpot sebanyak 10,000 tan tiap-tiap tahun.

Bekalan garam tidak kekurangan untuk perusahaan tersebut. Saya memberi perhatian kepada perusahaan memperoses ikan dengan cara mengeringmasin kerana ikan masin selain dari yang diekspot adalah bahan makanan yang lazim dalam masyarakat luar bandar. Pada keseluruhannya saya tidak mendapati kekurangan bekalan ikan masin di pasar tempatan.

#### **KERETA-KERETA SINGAPURA KE MALAYSIA**

**28. Tuan Fan Yew Teng** minta Menteri Perhubungan menyatakan tarikh kuatkuasanya peraturan permit kemasukan 2 minggu ke Malaysia bagi kenderaan-kenderaan Singapura.

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Peraturan baru yang menghadkan kereta-kereta Singapura memasuki Semenanjung Malaysia selama dua minggu dimulakan pada 23-12-1973.

#### **PUSAT LATIHAN PERGURUAN**

**29. Tuan Fan Yew Teng** minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kementerian beliau akan membuka semula sebilangan, jika bukan semua, maktab-maktab dan pusat-pusat latihan perguruan yang telah ditutupkan pada tahun 1970 memandangkan banyak kekurangan guru-guru terlatih di negara ini.

**Tuan Haji Mohamed bin Yaacob:** Sebilangan dari Pusat Latihan Perguruan telah dibuka semula. Pusat Latihan di Seremban pada tahun 1973 dan Pusat Latihan di Kuala Trengganu pada tahun 1974. Di samping itu 5 Maktab Perguruan yang baharu akan dibina secepat mungkin untuk mengeluarkan lebih ramai lagi guru-guru terlatih.

#### **MAKTAB RENDAH SAINS MARA—CALUN-CALUN**

**30. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Pembangunan Ekonomi Desa menyatakan dasar pengambilan calun-calun untuk masuk ke Maktab Rendah Sains MARA dan siapakah di antara MARA dengan Kementerian Pelajaran yang lebih mendapat keutamaan memilih calun-calun yang tersebut.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Calun-calun untuk memasuki Maktab Rendah Sains terbuka kepada pelajar-pelajar darjah enam dengan syarat:

- (a) pelajar tersebut mendapat 3A dan 3B termasuk Ilmu Sains dan Hisab dalam peperiksaan penilaian anjuran Kementerian Pelajaran.
- (b) pelajar dikehendaki masuk peperiksaan bertulis dan temuduga kecerdasan diadakan oleh MARA sendiri.

Keutamaan adalah diberi kepada pelajar aliran Melayu di sekolah luar bandar.

#### **SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH DI BAHAGIAN KEEMPAT**

**31. Tuan Lubat Wan** minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa banyakkah lagi sekolah-sekolah menengah akan didirikan di Bahagian Keempat Sarawak dan di manakah sekolah-sekolah ini akan ditempatkan.

**Tuan Haji Mohamed bin Yaacob:** Empat buah sekolah menengah akan dibina di Bahagian Keempat Sarawak. Butir-butir adalah seperti berikut:

- (1) *Sekolah Vokesyerai Miri:*  
Sekolah ini ditempatkan di Miri.
- (2) *Sekolah Menengah Kerajaan Sebauh:*  
Sekolah ini adalah di Sebauh, Bintulu.
- (3) *Sekolah Menengah Kerajaan Beluru:*  
Sekolah ini di tempatkan di Miri.

### CUKAI IMPOT

**32. Awang Bungsu bin Abdullah** bertanya kepada Menteri Kewangan adakah beliau akan menimbang membatalkan cukai-cukai masuk ke atas barang-barang yang perlu (essential commodities) untuk mengurangkan inflasi di seluruh Malaysia.

**Menteri Kewangan (Tun Haji Abdul Razak):** Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telah pun mengecualikan 33 jenis barang-barang perlu daripada cukai impot seperti diumumkan di dalam Ucapan Belanjawan yang lalu.

Pada 4hb. yang lalu, Kerajaan telah mengambil langkah lagi dengan mengecualikan cukai tambahan (surtax) 4% yang dikenakan ke atas semua ikan basah, udang, tiram dan semua barang makanan dari laut yang lain yang diperjeniskan di bawah Nombor Kepala 03.02 dan 03.03.

Selain daripada pengecualian-pengecualian cukai impot dan cukai tambahan yang saya sebutkan tadi, Kerajaan telah juga memberi pengecualian cukai eksais ke atas beberapa jenis barang-barang perlu seperti yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri di dalam Dewan ini pada minggu lalu semasa menjawab satu soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka.

Suka saya menegaskan di sini bahawa masaalah inflasi ini tidak boleh diatasi dengan cara mengurangkan cukai-cukai impot sahaja. Langkah-langkah lain adalah juga perlu, dan sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah yang besar untuk mengurangkan inflasi seperti diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Dewan ini tiga hari yang lepas.

### BUKU-BUKU TEKS KEKURANGAN

**33. Tuan Chan Fu King** minta Menteri Pelajaran menyatakan sebab-sebab kekurangan buku-buku teks di sekolah-sekolah rendah sungguhpun penggal persekolahan yang pertama akan tamat.

**Tuan Haji Mohamed bin Yaacob:** Seperti mana saya telah beritahu Dewan ini melalui jawapan bertulis pada 18-4-74 kepada Yang Berhormat dari Pulau Pinang Selatan, iaitu pada masa ini semua buku-buku telah ada. Walaupun begitu saya sedar bahawa masih ada juga sekolah-sekolah yang menyatakan bahawa mereka tidak boleh dapat buku-buku dari setengah-setengah kedai buku tempatan.

Berkenaan dengan hal ini saya suka menyatakan iaitu dalam pertemuan saya dengan Persatuan Penerbit-penerbit Buku dan Persatuan Penjual-penjual Buku Malaysia pada bulan Januari tahun ini, kedua-kedua persatuan ini telah memberi jaminan bahawa bekalan Buku Teks akan mencukupi pada penghujung bulan itu.

Sekolah-sekolah yang tidak boleh mendapat buku-buku teks yang diperlukan di kedai-kedai buku tempatan telah diarah menulis terus kepada Biro Buku-buku Teks Kementerian Pelajaran supaya membolehkan Biro ini mendapatkan buku yang diperlukan.

### SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH BEBAS CHINA

**34. Dr S. Seevaratnam** minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau akan membuat suatu kenyataan dasar (policy statement) yang akan menjamin kejutan, pertubuhan dan perkembangan Sekolah-sekolah Menengah Bebas China di Malaysia di bawah Kerajaan Perikatan, samada pada tahun tujuh-puluhan ini ataupun pada tahun lapan-puluhan.

**Tuan Haji Mohamed bin Yaacob:** Saya telah memberi jawapan mengenai perkara ini sewaktu menggulung perbahasan atas Titah Ucapan Di Raja pada 22hb April, 1974.

## HARGA BAHAN-BAHAN BINAAN

35. Tuan Edmund Langgu anak Saga bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian samada kemungkinan bagi Kementerian mendesak Kerajaan supaya mengurangkan harga bahan-bahan binaan untuk membolehkan mereka-mereka yang miskin membina rumah-rumah mereka dengan harga yang lebih murah.

**Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Hussein bin Datuk Onn):** Kerajaan memang memandang berat terhadap kenaikan harga bahan-bahan binaan yang akan menyusahkan lagi mereka-mereka yang miskin untuk membina rumah-rumah kediaman mereka. Oleh itu Kerajaan telah mengambil beberapa langkah supaya kenaikan harga berpatutan dan di antaranya ialah:

- (a) beberapa barang binaan telah diistiharkan sebagai barang kawalan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961, termasuklah simen dan batang-batang besi. Dengan mengistiharkan ini pengedaran barang-barang ini adalah dikawal. Mereka-mereka yang mengendalikan barang-barang ini terpaksa menghantar ke Kementerian Perdagangan dan Perindustrian setok penyata bulanan dan juga penyata jualan supaya dapatlah Kementerian ini membetulkan sistem pengedaran jika perlu;
- (b) Kerajaan juga telah mengenakan sekatan eksept terhadap bahan-bahan binaan, termasuklah simen, besi buruk, batang-batang besi dan batu bata untuk menentukan bekalan barang-barang itu mencukupi dalam negeri;
- (c) Kerajaan juga telah menghapuskan semua cukai terhadap pengimpotan batang-batang besi yang menjadi bahan utama di dalam industri pembinaan supaya pengimpotan barang-barang ini dari luar negeri dapat dibawa masuk dan menambahkan lagi bekalan yang dikeluarkan oleh pengeluaran-pengeluaran tempatan. Pengecualian cukai juga telah diberi terhadap sebahagian daripada bekalan tail-tail lantai dan dinding. Bagaimanapun, seperti yang telah saya jelaskan ketika menjawab

pertanyaan Yang Berhormat Encik James Wong Kim Min pada 23hb April, 1974 bahawa kedua-dua Badan Pembangunan Ekonomi Sabah dan Sarawak telah dibenarkan mengimpot simen tanpa cukai.

## POTENSIAL PELANCUNGAN

36. Tuan Lubat Wan minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk memajukan potensial pelancungan di:

- (a) Kelabit Highlands di Daerah Baram;
- (b) Gua Niah di Daerah Subis;
- (c) Jeram Pelagus di Daerah Kapit;

dan apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk mengadakan kemudahan-kemudahan perlu seperti pengangkutan dan tempat tinggal bagi tempat-tempat yang dinyatakan di atas.

**Datuk Hussein bin Datuk Onn:** Seperti saya nyatakan apabila menggulung perbahasan atas Titah Di Raja dahulu, Perbadanan Kemajuan Pelancungan sekarang ini sedang menyediakan Pelan Indok Pelancungan untuk mengelakkan pembangunan secara ad hoc. Negeri Sarawak akan termasuk dalam Pelan Indok itu dan saya yakin kawasan-kawasan yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu akan dimasukkan di dalam Pelan Indok yang dirancang setelah kajian-kajian dibuat tentang potensi kawasan-kawasan tersebut. Dengan kerjasama melaksanakannya oleh Kerajaan Negeri Sarawak, kemudahan-kemudahan seperti jalanraya, pengangkutan dan tempat tinggal akan diusahakan di mana-mana difikir sesuai.

## RTM SABAH—BAHASA KADAZAN/CHINA

37. Datuk James Wong Kim Min minta Menteri Penerangan menyatakan pandangan struktur penduduk-penduduk Sabah mengapa rancangan-rancangan dalam Bahasa Kadazan dan China tidak termasuk dalam rancangan-rancangan Radio dan Talivisyen Malaysia, Sabah.

**Menteri Penerangan dan Menteri Tugas-tugas Khas (Tengku Ahmad Rithauddeen Al-Haj):** Sebagai yang diketahui Dewan

Negeri Sabah telah meluluskan National Language (Application) Bill pada 26hb September, 1973 untuk menjadikan Bahasa Malaysia sebagai bahasa tunggal dalam urusan rasmi Kerajaan di negeri itu termasuklah RTM di sana. Sungguhpun RTM itu di bawah Kementerian Penerangan tetapi keputusan yang diambil oleh Dewan Undangan Negeri Sabah itu adalah satu keputusan yang menuju kepada matlamat negara dan dengan itu maka Kementerian Penerangan menerimanya dengan hati yang terbuka.

### KEMPEN ANTI SOROK

**38. Pengiran Ahmad bin Pengiran Indar** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan.

- (a) samada Kempen Anti-Sorok yang dilancarkan oleh Kerajaan boleh mengurangkan inflasi;
- (b) berapa banyak kejadian sorok barang didapati di negeri Sabah dan apakah tindakan yang telah diambil; dan
- (c) samada orang-orang yang didapati menyorok barang ini diiktiraf sebagai anasir-anasir anti national, jika ya, apakah tindakan yang diambil terhadap orang yang didapati menyorok barang yang bukan warganegara dan mereka yang menjadi warganegara secara masukan.

**Datuk Hussein bin Datuk Onn:** Perkara ini sudah diterangkan dalam Dewan ini pada sedikit masa dahulu.

### LALULINTAS—KESESAKAN

**39. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Panglima Abdullah** minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan menyatakan:

- (a) samada beliau sedar bahawa sistem terafik di Bandaraya Kuala Lumpur sangat mengecewakan dan selalu terdapat kesesakan lalulintas di sana-sini;
- (b) sebabnya banyak kerja korek-mengorek berlaku di atas jalan-jalan termasuk jalan-jalan yang baru siap; dan
- (c) samada beliau sedar bahawa sewaktu jalan-jalan dibesarkan, tiang-tiang lampu, talipon, letrik dan lain-lain masih belum diubahkan dan kemudian apabila

jalan itu sudah siap terpaksa dikorek kembali kerana hendak membetulkan tiang-tiang yang tinggal itu dan mendatangkan kesusahan kepada pengguna-pengguna jalanraya.

### Datuk Ong Kee Hui:

- (a) Ya, saya sedar akan masalah-masalah lalulintas itu. Satu kumpulan Pakar-pakar Perunding Lalulintas telah dilantik oleh Kementerian Perhubungan dalam tahun 1973 guna menjalankan satu kajian pengangkutan lengkap dalam kawasan Bandaraya Kuala Lumpur termasuklah juga cadangan-cadangan untuk mengatasi masalah-masalah lalulintas sekarang. Deraf lapuran yang akhir baru sahaja siap dan ianya sedang dikaji oleh pihak Kerajaan.
- (b) Beberapa penggalian di sepanjang jalan-jalanraya sedang dibuat sekarang oleh berbagai-bagai Jabatan Kemudahan Awam misalnya Jabatan Kerja Raya dan Talikom untuk meluas dan memperbaiki perkhidmatan-perkhidmatan mereka selaras dengan kadar pembangunan yang pesat dalam Kuala Lumpur.
- (c) Sebelum sebarang jalan itu dibesarkan atau diperbaiki, semua jabatan kemudahan awam yang berkenaan itu akan diberitahu untuk menempatkan semula perkhidmatan-perkhidmatan mereka yang terlibat dalam kerja pembaikan tersebut. Pada umumnya kerjasama telah diperolehi dalam projek-projek ini dan perhatian akan dibuat pada masa depan bagi menjamin agar tiang-tiang talipon dan seumpamanya hendaklah dialih sebelum kerja melebar jalan-jalan itu dilakukan.

### PENGANGGURAN KAUM INDIA

**40. Tuan Peter Paul Dason** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan:

- (i) mengapa kadar pengangguran di kalangan orang-orang India hampir dua kali ganda berbanding dengan kaum-kaum utama yang lain di Malaysia; dan
- (ii) apa langkah beliau telah ambil untuk memperbaiki keadaan ini.

**Tan Sri V. Manickavasagam:** Seperti Ahli-Ahli Yang Berhormat sedia maklum, dalam masa-masa yang lepas terdapat ramai orang-orang India di kawasan-kawasan luar bandar yang biasanya lebih suka mencari pekerjaan dalam perusahaan ladang di mana pertambahan peluang-peluang bekerja adalah kurang jika dibandingkan dengan bidang pembuatan dan perusahaan-perusahaan lain. Walau bagaimanapun, keadaan adalah sedang beransur-ansur bertambah baik di bawah Dasar Ekonomi Baru Kerajaan dan harapan-harapan bertambahnya pekerjaan pada masa hadapan adalah cerah dan peluang-peluang bekerja akan terdapat bagi semua rakyat Malaysia, tidak mengira dari apa bangsa.

Dari perangkaan-perangkaan di Pejabat Pejabat Pekerjaan di bawah Kementerian saya, 10.8% dari pekerjaan-pekerjaan yang diisi adalah dari kalangan orang-orang India. Kerajaan memang berpendirian bahawa peluang-peluang pekerjaan sepatutnya mencerminkan pecahan mengikut kaum penduduk-penduduk negeri ini.

## USUL

### AKTA PERATURAN KEWANGAN 1957

#### *Pelaburan dalam Bank Pembangunan Malaysia*

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah:

Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan bahawa sejajar dengan Seksyen 8 (3) (a) (iv) Akta Peraturan Kewangan 1957, Kerajaan boleh membuat pelaburan sejumlah tidak lebih daripada lima belas juta ringgit sebagai kredit ataupun dilabur sebagai pinjaman kepada Bank Pembangunan Malaysia atas syarat-syarat tertentu dan tertakluk kepada syarat-syarat yang diper-setujui di antara Menteri Kewangan dan Bank yang tersebut.

*Perbahasan disambung semula.*

3.31 ptg.

**Tuan Haji Ahmad bin Arshad (Muar Utara):** Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyambung ucapan saya semalam berkenaan dengan Bank Pembangunan ini, saya suka menarik perhatian yang pertama pentadbiran, yang kedua cagaran dan yang ketiga tindakan.

Dengan penubuhan Bank Pembangunan Malaysia ini, menambahkan lagi angka bank yang wujud dalam negeri ini dan dapat menunjukkan keteguhan matawang kita terhadap dunia antarabangsa. Adalah tidak dapat dinafikan atas kejayaan dan kecekapan bekas Menteri Kewangan kita Yang Berhormat Tun Tan Siew Sin.

Selain daripada itu, dalam masa yang tidak berapa lama lagi di Malaysia ini akan lahir sebuah cawangan Bank Islam. Dalam pentadbiran Bank Pembangunan sebagaimana usul yang ada di hadapan kita ini, pentadbiran itu ditadbirkan oleh pegawai-pegawai yang mempunyai kelayakan dan berpengalaman. Sehingga setakat ini kita masih kabur siapakah pengarahnya. Lembaga Bank ini tentulah terdiri daripada ahli-ahli yang terbesar menanamkan saham. Saya harap pada masa yang akan datang bahawa pinjaman ini tidak disalahgunakan kepada ahli-ahlinya sahaja dan sahabat-handainya. Kiranya berbuat demikian akan musnahlah tujuan asal bank ini diwujudkan.

Dalam masaalah cagaran, Tuan Yang di-Pertua, Bank Pembangunan ini lahir bersesuaian benar pada zaman Pembangunan Malaysia dan hendak dilaksanakan Dasar Ekonomi Baru, maka ahli-ahli perniagaan atau saudagar-saudagar bumiputra mendapat peluang keemasan dan penuh harapan bagi mereka mendapat pinjaman daripada bank ini. Menurut himmah saya, Tuan Yang di-Pertua, empat perkara patut diberi perhatian oleh Bank Pembangunan terhadap bumiputra:

- (a) Jangan berlamaan ketika memproses sesuatu permohonan pinjaman hingga mengagalkan rancangan perniagaan bumiputra itu.
- (b) Hendaklah diterima geran-geran tanah kawasan Melayu kerana amalan setengah bank dalam negeri ini enggan menerima cagaran-cagaran daripada geran-geran tanah kawasan Melayu ini.
- (c) Bangunan rumah dan kedai-kedai bumiputra harus boleh diterima dijadikan sebagai cagaran.
- (d) Keteguhan perniagaan dan perusahaan bumiputra, harus diterima dengan dilepaskan daripada cagaran, misalnya, seorang bumiputra telah mengambil bahagian dalam kontrak, maka atas lapuran kontrak itu juga boleh diberikan pinjaman kepada bank ini dengan tidak dikenakan cagaran.



Akhirnya, berhubung dengan tindakan Bank ini hendaklah berjalan dengan tegas menurut sistem bank perniagaan. Siapa yang tidak menyempurnakan pembayaran hendaklah diambil tindakan pada harta cagaran demi memelihara kepentingan saham Kerajaan dan juga orang ramai.

Yang kedua, ketika hendak meluluskan satu-satu pinjaman hendaklah diawasi dengan cermat kerana manusia yang meminjam ini, sangat bijak membuat rancangan pembangunan dengan tujuan mendapat pinjaman daripada bank ini, tetapi wang yang diperolehi itu disalahgunakan. Ini menyebabkan beberapa kesulitan ketika kita minta pembayarannya balik.

Yang ketiga, bumiputra juga sayugia bersyukur kerana banyaknya saluran pinjaman yang kita perolehi daripada Bank Rakyat, Bank Pertanian, Bank Bumiputra, MARA dan lain-lain, tetapi hendaklah diawasi ketika kita memproses permohonannya itu jangan perniagaan dan perusahaannya telah meminjam dari tiga, empat buah bank. Kalau keadaan ini berlaku mereka tidak akan berupaya menjelaskan pembayaran kepada bank-bank yang tersebut.

Terlanjur saya menyebutkan Bank Rakyat, yang dapat sambutan yang hangat daripada rakyat, sekarang telah mengubah polisinya kepada bank perniagaan dengan perusahaan, kenapa Kerajaan tidak mahu mengiktiraf sebagai bank yang lain-lain juga dengan memberikan kemudahan kepada Bank Rakyat dan Kerajaan juga patut melaburkan kewangannya kepada bank yang tersebut, sebagaimana amalan yang telah dibuat kepada Bank Pembangunan.

3.42 ptg.

**Dr Tan Chee Khoon (Batu):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bercakap sedikit tentang usul yang dikemukakan oleh Menteri yang berkenaan dan di samping saya bercakap dalam Bahasa Malaysia, saya mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, saya memper-setujui usul ini dan saya berpendapat bantuan kepada Bank Pembangunan Malaysia adalah perlu, tetapi yang saya hendak Menteri yang berkenaan dan Bank Pembangunan Malaysia mengambil perhatian ialah jangan memandang kepada orang-orang yang besar, seumpamanya M.P.

dan orang-orang yang berharta. Orang-orang yang berharta, M.P. dan Ahli-ahli Majlis Undangan Negeri, masing-masing semua tahu mencari jalan untuk meminjam wang daripada bank atau Finance Company atau lain-lain tempat. Saya berharap Bank Pembangunan Malaysia boleh menjaga orang yang tiada jawatan, tiada wang.

(Dengan izin) Mr Speaker, Sir, in the past, the various statutory bodies that we have established in this country, for example, the MIDFL, the Bank Rakyat and other bodies, have looked after people who can look after themselves. Unfortunately, they have neglected the poor people. By "poor people", I mean, for example the poor hawker, the chap who wants to make a start in life. He probably has been given a small kedai by the Dewan Bandaraya, but he has got no capital. All that he wants is, perhaps, maybe \$500 or maybe \$1,000. But he does not know where to go, if he eventually walks into this Bank wearing only short-pants, perhaps slippers only and a torn shirt, the Bank might say, "Macammana kita boleh pinjamkan wang kepada orang ini? Keluarlah, balik ke kampung." Then it defeats the purpose of restructuring society in this country. What I would hope is that this Bank should pay special attention to the people who are really in need, people who may need a loan of perhaps \$1,000 or \$2,000 to give them a start in life or who may need such a small loan to tide over a very tight period, and they go by thousands in this country. These are the people who are in dire need of help from the State to give them a stake in the economy of this country. I believe that there are some banks in this country which are doing just that. They go out and they do not sit in air-conditioned rooms and wait till the people come in. They keep their nose to the ground and they find out that "X" and "Y" in this street needs some capital. These banks have experienced officers who go out to the small businessmen and find out by asking, "Look here, tell me what are your problems. In what way do you think we can help you?" Then they will bring them in to the banks saying, "Don't worry, come in, even if you have no shoes or no slippers, do not worry, come in. We will look after you." These are the people whom the Bank should investigate very carefully to find out their needs. Of course, most of these people do not have

property, estates or cars for them to be charged to the Bank. What the Bank should do and what the former Honourable Minister of Finance has said in the past was that they should investigate the viability of the project and the ability of the prospective borrower to be able to repay that loan. I believe that when the former Honourable Minister of Finance said these things, he had in mind people who wanted to borrow maybe \$10,000 or \$20,000 in the middle-range group. What I am referring to are the people who are in the lowest income group and we find them scattered all over the country, particularly in the urban areas and in the rural areas as well and they dare not go to a bank. Some of them would like to go but, as I said, they dare not go and they do not know what modern banking is like, and it is up to this Bank to have trained officers to go out and meet these people and find out what are their problems and, if possible, help them.

Mr Speaker, Sir, I also wish to say that although this Bank is an offshoot of the Bank Bumiputra, I do hope that it will not confine its activities only to help the bumiputras. I agree that bumiputras should be given pride of place in assistance from this Bank. But I can assure the Honourable Deputy Minister of Finance that there are also thousands of non-bumiputras who are also in need of aid, and this Bank would be failing in its duty if it only considers applications from bumiputras losing sight of the fact that there are thousands of small businessmen who are in need of small loans and if the State can give them assistance in this matter, naturally it will give them a start in life that is so very necessary for the small-time businessmen.

3.48 ptg.

**Tuan Ahmad bin Haji Ithnin (Melaka Selatan):** Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun menyokong usul yang dibentangkan oleh Timbalan Menteri Kewangan dalam Akta Peraturan Kewangan, 1957 bagi pihak pelaburan modal dalam Bank Pembangunan.

Saya juga mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kerajaan yang telah dengan beraninya iaitu sebagai hendak menggalakkan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru telah melaburkan modal sebanyak \$15,000,000 kepada Bank Pembangunan dalam negara kita. Walau macam manapun,

saya berpendapat dan saya bersetuju dengan pendapat-pendapat Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, iaitu \$15,000,000 bagi pihak pelaburan modal kepada Bank Pembangunan Malaysia ini adalah tidak mencukupi, kerana bumiputra sudah jauh ketinggalan dalam lapangan ekonomi perniagaan. Jadi \$15,000,000, terlalu sedikit hendak menghadapi jangka masa 20 tahun pembangunan ekonomi yang mana 30% daripadanya dipegang oleh bumiputra rasa saya tentu tidak berhasil. Kita mengharapkan Kerajaan kita supaya dapat melabur sekurang-kurangnya empat kali ganda kepada Bank Pembangunan Malaysia untuk kepentingan perniagaan dan perlaksanaan kredit kepada peniaga-peniaga bumiputra khususnya di seluruh Malaysia kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa dalam segi pelaburan yang telah diberi ini tentulah tidak mencukupi, kerana bumiputra di luarbandar, ahli-ahli perniagaan walaupun Kerajaan telah membuat persediaan bagi melabur modal kepada bank-bank dan memberikan pinjaman credit kepada ahli perniagaan, tetapi ahli-ahli perniagaan bumiputra di luarbandar boleh dikatakan sebahagian besar tidak mengetahui dalam masa-masa ini. Dalam hal ini, saya mengharapkan supaya Kementerian yang berkenaan dan bank yang menjalankan credit pinjaman ini yang telah mendapat peruntukan daripada Kementerian kita ataupun Kerajaan supaya dapat memberikan penerangan dengan seluas-luasnya kepada ahli-ahli perniagaan, terutama sekali kepada ahli-ahli perniagaan bumiputra di luarbandar dengan secara terus-terang ataupun dengan secara yang lebih jelas lagi atas pinjaman untuk ahli-ahli perniagaan bumiputra dengan melalui pinjaman daripada bank yang telah ditentukan itu. Kalau tidak, rasa saya, maka segala hasrat Kerajaan kita hendak mengharapkan supaya ekonomi bumiputra melalui perniagaan-perniagaan ini, saya percaya tidak akan berhasil kerana saya berpendapat bahawa ahli-ahli perniagaan bumiputra daripada luarbandar adalah berjauhan dengan bank. Ada kalanya seorang peniaga bumiputra yang menjalankan urusan perniagaan hendak meminjam wang bank ini terpaksa pergi sampai 20 atau 30 batu berulang-alik. Saya rasa Kerajaan hendaklah mengarahkan supaya ahli-ahli bank memberikan ceramah-ceramah dan penerangan yang tertentu, khususnya kepada ahli perniagaan bumiputra iaitu apakah cara kemudahan-kemudahan

yang tertentu supaya ahli-ahli perniagaan bumiputra itu dapat menjalankan urusan dan menggunakan wang perlaksanaan bank credit ini dan membuat perniagaan yang tertentu dan kemajuannya pada masa akan datang.

Saya mendapat tahu bank credit ataupun pinjaman ini cuma diberikan dalam perniagaan. Adalah diharapkan supaya syarat-syarat ini dilonggarkan sedikit supaya perniagaan, terutama sekali perniagaan runcit kontrekter, peniaga-peniaga yang hendak membuat bangunan rumah, membeli tanah dan lain-lain lagi diberi pinjaman daripada bank ini. Ini satu daripada jalan untuk mengatasi kekurangan ataupun ketinggalan ekonomi ahli perniagaan kita bumiputra.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan kepada Kerajaan kita supaya bank-bank yang diberi credit guarantor dapat memperluaskan perkhidmatannya, terutama sekali sekarang amat sulit sepertimana saya katakan tadi mereka daripada luar bandar hendak pergi menemui bank jauh sekurangnya 30 atau 40 batu dan ada yang lebih jauh lagi kalau negeri-negeri itu besar seperti Pahang dan setengahnya 80 atau 90 batu untuk sampai ke bank tersebut. Kita mengharapkan bank ini dapat menubuhkan cawangannya di luar bandar. Tiap-tiap daerah perlu diadakan bank. Dengan adanya bank di tiap-tiap daerah maka perhubungan antara bank dengan orang ramai ataupun rakyat lebih hampir lagi. Dengan cara ini segala hasrat dan cita-cita Kerajaan kita hendak memperluaskan lapangan ekonomi melalui pinjaman Bank Pembangunan kepada rakyat akan dapat berjalan dengan lebih baik pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kalau bantuan credit ini dapat dijalankan dengan terus-menerus dan pegawai-pegawai dapat menjalankan segala usaha untuk membantu ahli-ahli perniagaan bumiputra, khasnya di luar bandar, saya percaya atas segala rancangan Kerajaan kita hendak meningkatkan taraf ekonomi perniagaan bumiputra di luar bandar akan mendapat hasil yang baik di masa yang akan datang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempergunakan Mesyuarat*)

3.55 ptg.

**Tuan Latip bin Haji Dris (Mukah):** Tuan Yang di-Pertua, kami berharap dengan adanya pinjaman kepada Bank Pembangunan Malaysia seperti yang diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan semalam semasa mengemukakan usul ini, saya rasa ini adalah salah satu usaha Kerajaan kita bagi memberi suatu perkhidmatan bank untuk kepentingan rakyat berbilang kaum dan juga mengubah serta mempertingkatkan lagi taraf kehidupan sebilangan besar rakyat di negara ini yang berkehendakkan bantuan atau pinjaman bagi mengikuti zaman pembangunan sejajar seperti yang dikehendaki oleh Dasar Ekonomi Baru sebagai lunas kemajuan rakyat berbilang kaum supaya dapat bersama-sama merasai nikmat kekayaan negara ini sebagai rakyat yang merdeka.

Tuan Yang di-Pertua, kami juga berharap dan mengesyorkan kepada pihak yang berkenaan supaya perkhidmatan Bank Pembangunan Malaysia atau anak bank ini meliputi semua negeri di dalam negara ini seperti di kawasan Sarawak di bandar misalnya Kuching, Sibu, Miri dan Limbang, sesuai dengan nama Bank Pembangunan Malaysia dan tidak hanya untuk di satu tempat yang tertentu sahaja.

Seperti Dewan ini sedia maklum iaitu sekarang terdapat bermacam-macam nama bank dan syarikat meminjam wang termasuk juga badan atau agensi Kerajaan seperti MARA dan sebagainya bagi memberi pinjaman wang kepada rakyat untuk digunakan di bidang perniagaan dan perusahaan-perusahaan kecil atau nelayan dan sebagainya. Dan pernah juga kedengaran sungutan atau pandangan di dalam Dewan ini oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sarawak berucap memberi hujah-hujah berkenaan dengan perkara pinjaman wang sebagai modal dan untuk kegunaan tertentu oleh rakyat di Sarawak yang boleh dikatakan tidak begitu lancar serta banyak yang ditolak dengan sebab-sebab yang tertentu seperti harta untuk jaminan atau tanah kebun yang tidak mempunyai surat hak milik tanah serta juga taksiran harga harta seperti tanah kebun Bumiputra walaupun telah ada surat hak milik tanah di kawasan tanah campuran (mixed zone). Harga tanah bumiputra juga sangat rendah, kadangkala harga taksiran itu seperti tanah kelapa atau

rumbia cuma lebih kurang \$250 pada satu ekar. Kami berharap jikalau Bank Pembangunan Malaysia ini berkhidmat di Sarawak, maka perkara seperti ini kami berharap dapat diatasi untuk memberi peluang kepada kaum bumiputra meminjam modal untuk sama-sama membangunkan negara baik di bidang perdagangan, perusahan mahupun pertanian yang boleh difikirkan menasabah oleh pihak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi bank perniagaan tempatan di bandar Kuching ataupun di lain-lain bahagian di Negeri Sarawak mempunyai satu daya penarik luar biasa kepada pelanggannya. Sebagai contoh, jika seorang pelanggan itu dikenali oleh salah seorang kakitangannya yang bertanggungjawab di bank yang berkenaan walaupun ianya tidak ada wang simpanan di situ dengan senang sahaja untuk mendapat surat Bank Guarantee sampai berpuluh-puluh ribu ringgit dengan bayaran yang sedikit sahaja sebagai belanja perkhidmatan. Dengan adanya surat Bank Guarantee seperti itu maka orang yang berkenaan boleh membuat tender-tender kepada pihak Kerajaan sebagai jaminan untuk mendapat tender-tender itu. Tetapi bagi Bumiputra boleh dikatakan tidak dapat kemudahan atau kepercayaan seperti ini oleh sebab mereka tidak dikenali oleh kakitangan bank serta juga tidak ada pengalaman untuk memasuki tender-tender yang agak besar berkaitan dengan pembangunan negara kita.

Saya percaya sekarang Kerajaan kita sedar atas perkara seperti ini yang menggendalakan Bumiputra untuk mengambil bahagian dalam apa-apa bidang kemajuan disebabkan tidak mempunyai wang yang cukup jika tidak diberi bantuan pinjaman oleh bank-bank tertentu atau memberi jaminan kredit. Sekali lagi kita rakyat yang mundur merayu kepada pihak yang berkenaan, berilah kelonggaran sedikit kepada rakyat yang benar-benar berkehendakkan bantuan pinjaman selaras dengan dasar ekonomi baru bagi menjamin perpaduan rakyat berbilang kaum, supaya si miskin tidak terlalu ditindas oleh kaum modal.

Saya menyokong usul yang dibentangkan ini.

4.02 ptg.

**Tuan Goh Hock Guan (Bungsar):** (*Dengan izin*) Sir, I rise to speak in support of this Motion which I think is essential to provide more money to Bank Pembangunan Malaysia in order to enable it to carry out its functions and also to enable this Bank—and I hope other banks in Malaysia as well—to make more loans and credit available to the deserving but poorer sections of all races who do not have the means or the collateral to back up their loans.

Very frequently, Sir, one goes to a bank to ask for a loan—and this applies not only to persons with no capital but even to our middle-class businessmen and even professional men—but it is never an easy thing to borrow money from a bank without collateral. So, I hope, Sir, that, whilst we make every effort to mop up the excess money in circulation in the country as an anti-inflationary measure, we do not over do it to the extent that we make it extremely difficult for people who really need the money to carry on or to start a worthwhile business or a worthwhile project which is economically viable and self-generating in nature. This is a very important aspect of the exercise.

Sir, the Government has announced that the rate of interest for savings will be increased and it has now come into effect. That, Sir, I think is a good measure. But a problem now arises, Sir: with all the money which will now be attracted by this higher savings rate, the money that is now being collected by the banks and by the finance institutions in the country, what do they do with all these huge amounts of deposits which are now piling up inside their coffers, inside the banks and inside the finance companies? Where do they invest this money because there is a tight credit squeeze? Although Government says that for worthwhile projects credit will be given, in actual fact the control imposed by Bank Negara is too tight, so much so that the banks and the finance companies tend to veer to the other side and they overdo the exercise and make it difficult for money to be loaned out.

So what do you do with all those deposits in the banks and in the finance companies? Invest in Treasury Bills? Treasury Bills will only collect about 4½% per year but they have to pay out about 10–10½% to the

persons who put the money into their banks or their finance companies. So there is this disparity: investing in the Treasury Bills is a losing proposition, and you have got to keep on paying this high rate of interest to the people who put in the money into the banks.

I would suggest, Sir, that two things could be done. Firstly, Malaysia has probably now reached a stage where—because one of the problems facing many under-developed poor countries of the world is the spectre of having to go round the world with a begging bowl asking for money, wanting to borrow money, from the better-off countries of the world—we could be a lender of money: with the tremendous amount of money in the banks and the finance institutions, some of this money could be considered for lending out. If we do not want it to be lent out, if we do not want to inflate the money supply at home, then let us put that money to good use overseas and earn a higher rate of interest and also in the process establish some goodwill, especially in the ASEAN countries, some of which need hard currency, need the money very badly, and we could be a lender of money instead of being the traditional borrower of money. That will be one possibility that we could look at.

Secondly, Sir, we ought to create more employment with the money that we have now got at our disposal. In this sense, Sir, if you take the construction of houses—and this is a field where I am a little bit more familiar with—for every house that you build, you create at least two permanent employment for two persons; two permanent jobs created for the citizens of this country permanently: over a short time period for your carpenters, your plumbers, your bricklayers and so on, you create at least three temporary jobs. So all in all, about five jobs are created for every house that you put up and, as you know, Sir, not only in Kuala Lumpur but in every town in Malaysia, the need for housing is extremely sharp and acute. Therefore, all this excessive money that we have got in the banks and the finance companies, instead of being kept there in cold storage, doing nothing because of the credit squeeze, should in fact be liberalised and released and this pile of money should be put to good use to create permanent employment for our rising population of youthful people who have now gone into the

employment market and joined the labour force. This would help to provide much needed housing for the people and thereby help to reduce the high cost of rental and the high cost of housing because thereby we increase the supply and the availability of much needed housing. Therefore, it is an anti-inflationary measure, far from being an inflationary one which is what is being considered to be the present case.

There is one other advantage, Sir, by doing this, that is it is in line with the objectives of the Second Malaysia Plan which is to encourage the urbanisation of the rural people into the urban centres of Malaysia. What is the point, Sir, of putting forward, of enunciating, this excellent objective if the rural people coming into the urban areas find that it is impossible to get housing or that it is too costly to get housing, or that the housing which is available is in the wrong location and they could not afford it. Therefore, the measure which I suggest would go a long way to make that objective more easily realisable.

One final point, Sir, is this, whilst the public sector, the Government side, has been expending a considerable amount of money into the money market—and in fact Government is the greatest spender of money and in that sense, the culprit, so to speak, the primary cause of inflation in this country—the Government has got to do it because this is part of the Second Malaysia Plan. The Government has got to spend at least \$7,500 million to make that Plan realisable. But the private sector is also called upon to put forward \$7,500 million and the complaints which have been made quite frequently are that the private sector has not taken up the challenge sufficiently and that the private sector has not invested enough—up to the tune of that \$7,500 million. How could they invest that \$7,500 million if there is this tight credit squeeze? Therefore, it would seem that a more judicious, a more discriminating and a more perceptive policy in respect of this question of credit squeeze should be applied and if a project is worthwhile, viable and self-generating, money has got to be spent. By so doing we create more jobs, more employment, to meet the target of the Second

Malaysia Plan and also it will help in some way towards the objective of restructuring society regardless of place, location and vocation.

4.13 ptg.

**Tuan Abu Bakar bin Umar (Kubang Pasu Barat):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bercakap sepatah dua bagi menyokong usul yang telah dibawa ke dalam Dewan ini oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan. Usul ini meminta Dewan memberikan kelulusan kepada Kerajaan untuk memberi pinjaman sebanyak \$15 juta kepada Bank Pembangunan Malaysia yang Bank ini adalah syarikat anak kepada Bank Bumiputra.

Selain daripada saya memberi sokongan yang penuh pada usul ini, saya berharap muga-muga di sidang Parlimen yang akan datang Yang Berhormat Menteri Kewangan akan membawa lagi satu usul yang meminta tiga kali ganda ataupun empat kali ganda daripada apa yang telah diberi pinjam kepada Bank ini kerana pada pendapat saya, saya bersetuju dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang mengatakan \$15 juta ini adalah kecil untuk menolong bumiputra-bumiputra yang kita galakkan untuk memasuki di dalam bidang perniagaan dan perusahaan sebagaimana yang telah dinyatakan di dalam Dasar Ekonomi Baru kita. Dasar Ekonomi Baru bercadang, bercita-cita untuk membawa bumiputra di dalam bidang perniagaan dan perusahaan sekurang-kurangnya 30% di dalam masa 20 tahun.

Apa yang saya tahu dan yang saya lihat pada masa ini semangat dan jiwa dengan banyaknya kempen-kempen yang telah kita buat menerusi radio, talivisyen, suratkhobar dan semuanya sekali kepada orang-orang bumiputra ini maka bumiputra telahpun bersedia dan telahpun melangkah kaki ke dalam medan perniagaan dan perusahaan. Tetapi yang malangnya kalau angan-angan sahaja ada, cita-cita sahaja ada tetapi wang di saku tidak ada maka sudah tentulah cita-cita itu tinggal pada angan-angan sahaja. Apa yang diharapkan oleh bumiputra bahawa (lainlah orang yang bukan Bumiputra). Orang yang bukan bumiputra mereka ada banyak bank yang sedia menolong mereka tetapi bagi bumiputra pada

masa ini cuma mengharapkan kepada Bank Bumiputra semata-mata untuk menolong mereka dalam perniagaan dan perusahaan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang yang berdamping rapat dengan Bank Bumiputra, saya mendapat tahu permohonan-permohonan daripada kontrektor-kontrektor Melayu dan peniaga-peniaga Melayu amatlah banyak dan kadangkala apa yang menjadi kemuskilan kepada Bank Bumiputra atau Bank Pembangunan Malaysia ini atas rasa bertanggungjawabnya untuk menolong pemohon-pemohon itu tetapi oleh kerana bank ini sendiri tidak ada mempunyai kewangan maka permohonan dari pemohon-pemohon terpaksa ditolak ataupun dilambat-lambatkan. Kalau inilah berlaku maka berertilah yang bertanggungjawab menyebabkan kegagalan bumiputra di dalam usaha menyampaikan kepada peringkat 30% bukanlah bumiputra sendiri, bahkan Kerajaan yang sedia ataupun yang telah menyeru Bumiputra untuk berniaga tetapi Kerajaan tidak sanggup pula menyediakan kemudahan-kemudahan sebagaimana yang dikehendaki oleh peniaga-peniaga Bumiputra.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengesyorkan ataupun mencadangkan dalam Dewan ini kepada Kementerian yang berkenaan supaya mengarahkan kepada seluruh bank-bank besar di dalam negara kita ini seperti The Chartered Bank yang mempunyai beratus-ratus ribu juta ringgit di Malaysia ini supaya bank itu juga turut sama sepertimana yang dibuat oleh Kerajaan. Kalau Kerajaan memberikan \$15 juta kepada Bank Pembangunan Malaysia untuk menolong bumiputra maka bank-bank ini juga sedia memberikan pinjaman-pinjaman pula kepada Bank Pembangunan Malaysia ini untuk menolong bumiputra oleh kerana ini adalah satu perkhidmatan dan ini adalah satu dasar baik yang patut diberikan oleh bank-bank yang besar ini kepada Bumiputra sebagai membalas hasil-hasil yang telah mereka dapat dalam negeri kita ini.

Itulah sedikit sebanyak yang saya hendak bercakap untuk menyokong usul ini dan sekali lagi saya menyatakan sokongan saya dan dengan harapan sidang kali yang akan datang membawa lagi usul yang semacam ini dan lebih banyak lagi wang yang diminta.

4.20 ptg.

**Raja Nong Chik bin Raja Ishak (Kuala Selangor):** Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya bercakap saya mengucapkan alhamdulillah kepada Tuhan oleh kerana Bank Pembangunan ini akan muncul tidak lama lagi.

Rakyat bumiputra mengangkat tangan ke atas oleh kerana bumiputra telah tinggal ke belakang cukup lama di dalam negerinya sendiri. Bukan kerana bumiputra ini malas atau tidak ada hati untuk membuat perniagaan dan perusahaan, tetapi bumiputra ini telah dijajah, bukan sahaja dijajah anggotanya tetapi dijajah kepalanya sekali iaitu penjajahan Inggeris pada masa itu dan dibodohkan oleh Inggeris supaya orang Melayu boleh dijajah selama-lamanya. Dengan sebab itu tidak digalakkan bumiputra untuk masuk di dalam perindustrian ataupun di dalam perniagaan dan perusahaan. Oleh kerana tidak ada galakan ini, maka bumiputra mempunyai satu philosophical thought iaitu kita hidup di dunia ini tidak lama, kita akan mati pada satu hari akan datang. Orang bukan Islam biarlah mencari wang banyak-banyak oleh kerana dia perlukan wang, tetapi kita cuma perlukan makan hari ini, tidak makan esok tidak mengapa. Dengan adanya philosophical thought begini jikalau orang lain mempunyai thought begini di dalam negeri ini, bagus. Tetapi orang lain cari duit, bertambah banyak duit, buka bank, buka industri banyak-banyak, semuanya banyak-banyak. Dengan sebab itu bumiputra, saya tidak salahkan sesiapa. Saya salahkan diri saya sendiri oleh kerana pada masa itu bumiputra masih belum sedar lagi.

Pada masa itu bumiputra girantai oleh penjajah, pada masa itu kita dibelenggu oleh penjajah. Pada hari ini bangsa bumiputra telah muncul ke hadapan. Pada hari ini selepas Kongres Bumiputra yang pertama, Tuan Yang di-Pertua, barangkali ingat Kongres Bumiputra itu. Di dalam Kongres Bumiputra itu bermacam-macam pemikiran telah timbul. Bagaimana hendak meninggikan taraf hidup orang Melayu? Bagaimana orang Melayu mesti senang di dalam dunia ini? Bagaimana orang Melayu mesti hidup sebagaimana orang lain hidup di dalam negerinya sendiri? Ini yang memeningkan kepala kita. Ini yang kita fikirkan bersama.

Maka kita berpendapat iaitu tidak ada modal. Dengan sebab itu dengan sebulat suara, dengan pertolongan Kerajaan kita tubuhkan sebuah bank yang dinamakan pada hari ini Bank Bumiputra. Daripada Bank Bumiputra inilah kelak, ini ingatan rakyat, ingatan orang Melayu, ingatan bumiputra di Sabah dan Sarawak, Bank Bumiputra akan menolong bumiputra di dalam perniagaan dan perusahaan seperti orang-orang yang lain. Bank Bumiputra telah ditubuhkan, tetapi pada mula-mulanya pemimpin-pemimpin dalam Bank Bumiputra ini berpendapat iaitu bank ini adalah didirikan semacam bank yang lain-lain juga. Ini satu kesilapan yang dibuat oleh Bank Bumiputra. Bank ini katanya adalah macam bank yang lain-lain juga, hendak berniaga tidak peduli apa bangsa. Oleh kerana hendak berniaga maka hendak untung sahaja. Kalau begitu boleh ditutup Bank Bumiputra oleh kerana tujuan-tujuan kita telah terpesong.

Tujuan yang utama adalah untuk menolong bumiputra dalam pembangunan dan perusahaan kerana kami telah sedar yang kami telah tinggal di belakang. Maka kita telah mengadakan kongres yang kedua dan diperbaiki lagi di mana Bank Bumiputra ini tidak semestinya memikirkan untuk keuntungan sahaja. Tetapi mesti memikirkan cara-cara bagaimana untuk meninggikan taraf hidup bumiputra samada di kampung atau di pekan ataupun di mana-mana.

Pada hari ini alhamdulillah, bukan sahaja Bank Bumiputra yang sedar, tetapi dengan arahan Kerajaan pada hari ini sepertimana saudara saya wakil dari Kedah telah bercakap tadi barangkali bank-bank yang lain juga telah sedar, bank-bank yang lain juga memberi facilities kepada bumiputra. Kesedaran ini adalah kesedaran bumiputra dan oleh kerana itu boleh jadi Bank Pembangunan Malaysia yang dicadangkan ini, saya fikir dinamakan Bank Pembangunan oleh kerana bank ini adalah untuk meminjamkan atau memberi pertolongan untuk pembangunan bumiputra dalam negeri ini ataupun untuk meminjamkan mengikut dasar Kerajaan pada hari ini iaitu meminjamkan wang kepada have-nots di dalam negeri ini, kepada orang yang tidak berada di dalam negeri ini. Siapakah dia yang banyak sekali have-nots? Bumiputra.

Saya harap perkara ini jangan diganjak oleh Kerajaan. Jikalau difikirkan untuk keuntungan sahaja maka tujuan-tujuan Kerajaan untuk menolong bumiputra akan terpesong lagi sekali.

Sebelum saya hendak menambah cakap saya berkenaan dengan perkara ini, saya juga hendak bercakap sedikit berkenaan dengan bagaimana keadaan orang Melayu pada hari ini dan yang lepas. Kalau tidak begitu, saya rasa tidak lengkap sebab-sebabnya bagaimana orang Melayu ini mundur dan sebab-sebab kita tidak ada mempunyai bank pada masa dahulu. Kemiskinan orang Melayu ini adalah kerana penjajahan dahulu. Penjajah cuma menggalakkan orang Melayu ini mempunyai tanah cuma satu dua ekar sahaja. Dia tidak menggalakkan lebih daripada satu dua ekar, setinggi-tingginya 6 ekar sahaja. Jadi dia memikirkan orang Melayu ini ataupun orang-orang daripada Sabah dan Sarawak, bumiputra ini besar. Kalau di Sarawak, orang-orang bumiputra di suruh duduk di long house sahaja selama-lamanya, ataupun orang kita di Sarawak sana bagaimana penjajah menjalankan kewajibannya di sini begitu juga di lain-lain tempat. Satu dua ekar tanah cukup makan dan oleh kerana cukup makan itulah maka kehidupan bumiputra pada hari ini telah menjadi cukup gelisah dan cukup susah. Dengan sebab itulah kita pandang pada hari ini bumiputra kurang pelajaran, sebab hendak mengisi kepandaiannya dengan pelajaran mesti ada duit. Sudahlah hendak makan mesti ada duit, hendakkan pelajaran pun mesti ada duit.

Pada masa dahulu, setinggi-tinggi saya dapat pelajaran ialah Darjah V Sekolah Melayu, itu sudah bagus. Ini bukan pula saya hendak merendahkan kerja mata-mata—tidak, tetapi setinggi-tinggi pekerjaan saya boleh dapat ialah mata-mata atau menjadi peon di bank. Di bank siapa? Di bank orang lain. Pada hari ini kita boleh tengok di Kuala Lumpur ada berpuluh-puluh bank: Bank of America, Japanese Bank, France Bank, Dutch Bank, segala-gala bank yang ada di atas dunia ini semuanya ada di sini, malah Bank Kominis pun ada.

Tuan Yang di-Pertua, begitu banyaknya bank ada di tanahair kita, tetapi bolehkah

orang Melayu dapat meminjam daripada bank ini? Saya tidak salahkan kepada bank ini oleh kerana orang Melayu miskin, siapa hendak percaya kepada orang Melayu. Hendak cagarkan rumahnya, rumah pondok buruk di kampung, hendak cagarkan tanah, tanah Malay Reserve—tanah merah, tak laku. Jadi bagaimana mereka ini hendak membuat perniagaan dan perusahaan? Rumah pun pondok buruk; tanah, tanah Malay Reserve. Ini bukannya salah kepada Tuhan, bukannya salah kepada sesiapa, tetapi salahnya kepada manusia juga. Masing-masing hendak menindas, semua sekali hendak menindas bumiputra. Kalau tiga tahun dahulu, kalau kita pergi ke bank-bank, saya pernah tengok bukan hendak pinjam duit, sebab memang tidak dapat—masuk tengok sahaja; peon yang ada bekerja di bank, kalau tercegat sahaja di luar itu watchman. Watchmen ini ialah bekas asykar yang menyabung nyawa bermati-matian, akhirnya menjaga bank itu kerjanya, Allhamdulillah syukur kita kepada Tuhan.

Selepas merdeka sudah ada Bank Bumiputra. Dengan sebab itu, saya harap dengan adanya bank ini dan dengan adanya galakan dari Kerajaan dan dengan adanya dasar Kerajaan iaitu di dalam tempoh 20 tahun yang akan datang, sekurang-kurangnya 30% daripada iktisad di tanahair kita ini dipunyai oleh bumiputra. Kerajaan mestilah menjalankan dengan setegas-tegasnya dan mestilah menunjukkan jalan, kalau kami tak tahu bagaimana hendak mencapai 30% ini. Kalau MARA, PERNAS dan UDA sudah mencapai 30% tak guna, yang kita hendakkan ialah bumiputra mencapai 30% daripada iktisad tanahair kita ini barulah sempurna yang dikatakan oleh Kerajaan untuk menolong bumiputra sekurang-kurangnya 30%—30% daripada 100%. Saya bukan hendak mengatakan semua bumiputra mesti dapat meminjam dengan senang, tentulah tidak ada sebuah bank pun dalam dunia ini boleh meminjamkan cara begitu. Jadi dengan adanya bank ini orang kampung akan mengatakan, sekarang kita ada Bank Pembangunan Malaysia, semua orang kampung, orang Melayu boleh pergi meminjam di sana dengan tidak payah ada apa-apa cagaran hanya ada \$30 dan ada dua Wakil Rakyat menjaminnya dapat \$100,000 barangkali saya akan lari waktu malam.



**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Persidangan ditempokkan selama 15 minit.

*Persidangan ditempokkan pada pukul 4.40 petang.*

*Persidangan disambung semula pada pukul 5.07 petang.*

*(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat).*

*Perbahasan disambung semula.*

*5.07 ptg.*

**Raja Nong Chik bin Raja Ishak:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyambung ucapan saya tadi bagi penghabisan iaitu kalau misalnya disuruh saya menjamin terus menjamin oleh kerana rakyat berkehendakan pinjaman tentu sekali saya tidak dapat tidur malam. Dengan sebab itu, saya harap Bank Bumiputra ataupun Bank Pembangunan Malaysia ini hendaklah menerangkan kepada rakyat cara-cara meminjam wang daripada bank-bank ini.

Di sini saya suka hendak menyatakan bagaimana kedudukan bumiputra dalam perdagangan dan perusahaan dan sebagainya. Saya suka hendak memberi sedikit-sebanyak fikiran saya bahawa dengan adanya bank ini dan dengan adanya duit bagaimana kita akan meninggikan taraf hidup bumiputra samada di kampung ataupun di pekan, tua atau muda, lelaki atau perempuan, jikalau difikirkan geran putih jarang ada pada orang Melayu, tetapi geran merah yang dipunyai oleh bumiputra baik di dalam kampung-kampung ataupun di pekan-pekan. Inilah yang saya tujuan jikalau sekiranya ada Bank Pembangunan Malaysia ini apa kerjanya, iaitu mencari siapa dia tuan-tuan tanah yang dipunyai oleh bumiputra di dalam pekan, kerana pada hari ini ada pun tanah bumiputra, tanah Malay Reserve ini ataupun Native Reserve di Sarawak dan Sabah, tidak ada nilai, tidak ada harganya. Apa sebab tidak ada harga? Oleh kerana tidak ada pembangunan di atas tanah-tanah ini sebab tidak ada modal. Dengan adanya Bank Pembangunan Malaysia ini, saya hendak bertanya, janganlah orang ini datang kepada bank, bank mestilah datang kepada orang ini, mengatakan saudara ada tanah, Bank Pembangunan Malaysia ada duit. Cara ini hendak meleakaskan untuk mendapatkan sekurang-kurangnya 30% daripada iktisad negeri kita dipegang oleh bumiputra.

Mestilah dibuat begini, mesti kita datang kepada mereka, sebab orang kita belum lagi mara (advance) dalam perindustrian dan perdagangan. Dengan sebab itu, kakitang bank, pegawai Kerajaan mesti mara ke hadapan pergi kepada mereka yang ada mempunyai tanah Rezeb Melayu, samada di bandar ataupun di kampung. Sekarang tanah di dalam bandar adalah berharga. Misalnya satu ekar \$40,000.

Sekarang tanah di dalam bandar adalah berharga. Misalnya satu ekar \$40,000. Oleh kerana sudah tukar syarat tanah ini lebih mahal lagi. Penukaran itu bolehlah diminta kepada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Negeri jangan berlengah-lengah. Sekarang kalau orang Melayu hendak menukar syarat cukup susah. Mengapa susah sangat saya pun hairan. Bertahun-tahun rancangan bandar, rancangan itu, rancangan ini dan sebagainya terhalang. Jika sekiranya ada Bank Pembangunan ini dan betul-betul pegawai Kerajaan dan juga pegawai bank, Wakil-wakil Rakyat memikirkan bumiputra ini jauh ketinggalan ke belakang, dan juga orang-orang bukan bumiputra yang betul-betul hendak menolong bumiputra, warga-negara Malaysia ini yang memikirkan bumiputra ini memang ketinggalan ke belakang, patut ditolong, mistilah ditolong betul-betul. Maka sesudah sahaja tanah itu ditukar syarat, harganya melambung naik.

Pada hari ini di Kuala Lumpur, sekurang-kurangnya satu kaki persegi tanah harganya \$2-\$3, kalau misalnya commercial area dalam pekan, sekurang-kurangnya \$20-\$30, dan satu ekar sekurang-kurangnya setengah juta ringgit atau sekurang-kurangnya \$200,000-\$300,000. Dengan adanya \$200,000 dipinjamkan oleh bank ini untuk membuat rumah-rumah yang tinggi-tinggi, flat yang tinggi orang-orang Melayu akan maju. Kalau cara begini dijalankan, kita boleh nampak pada masa yang akan datang, orang Melayu di bandar yang ada mempunyai tanah Rezeb Melayu di bandar, tak berapa lama mereka akan mempunyai rumah batu yang tinggi-tinggi di mana mereka boleh sewakan untuk mendapat hasil-hasil dan dengan hasil-hasil itu boleh simpan di bank, boleh beli saham, boleh buka perusahaan dan perindustrian dan sebagainya. Tegasnya dengan cara begini, saya fikir untuk menolong bumiputra baik di bandar ataupun di kampung. Kalau di

kampung pula dengan adanya Malay Reservation dua tiga ekar, orang ini hendak dipindahkan ke lain tempat, hendak dipindahkan ke Pahang, orang Melayu misalnya di Perak, Selangor atau di mana-mana hendak dipindahkan ke Pahang untuk mendapatkan tanah tentulah tak terusahakan, jauh sangat. Mereka tak sanggup. Dengan sebab itu tanah dua tiga ekar itu untuk meninggikan taraf kehidupan mereka bagaimana hendak dibuat?

Kerajaan mistilah memikirkan benar-benar. Biasanya kalau tak boleh, langsung terus tak boleh sahaja. Apa hendak buat. Dua tiga ekar tak hendak pindah. Tak dapat hendak meninggikan taraf hidup, hendak membela lembu, setakat dua tiga ekar tidak boleh kerana habislah harta benda orang dimakannya. Jadi bagaimana hendak mengatasinya? Perkara ini adalah perkara buntu, sebab tak dapat menolong. Kehidupan orang kampung begitu juga terus-menerus.

Dengan sebab itu, saya mencadangkan penduduk-penduduk kampung dalam 30-40 buah rumah itu hendaklah mengadakan satu syarikat ternakan. Kerajaan patut menubuhkan sebuah syarikat, paksa mereka membuat syarikat. Orang Melayu ini mesti dipaksa sedikit oleh kerana pada masa Jepun dahulu orang Melayu apabila dipaksa pandai membuat tayar, pandai buat kasut. Kita mesti buat macam Sukarno, kalau hendak terus berdasarkan demokrasi agak payah juga mengatasi nasib orang kita ini. Kalau sudah maju demokrasi tulin barulah benarkan berjalan. Dengan sebab itu, 30-40 buah rumah itu diadakan satu industri, misalnya, pada hari ini kekurangan makanan, suruh mereka membela ayam secara besar-besaran. Saya bukan bercakap secara "Mat Jenin". Mereka bela ayam secara besar-besaran, kemudian adakan kilang di mana daging ayam itu ditaruh dalam freezer, ditaruh dalam kotak kemudian dihantar keluar negeri. Dengan adanya syarikat ini akan dapat meninggikan taraf hidup orang kampung, oleh kerana orang-orang kampung ada saham dalam syarikat-syarikat itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak menyentuh sedikit berkenaan dengan usaha-usaha PERNAS, UDA dan MARA, oleh kerana pada hari ini kita nampak jika sekiranya UDA, MARA dan PERNAS hendak mengadakan joint venture, mereka pergi selalu kepada orang lain. Saya bukan salahkan kepada UDA, PERNAS dan

MARA, tetapi saya salahkan kepada kita juga, iaitu salahnya oleh kerana kita tak ada duit. Bagaimana kita hendak joint venture kalau kita tidak berduit?

Pada hari ini dengan lulusnya usul ini, maka kita sudah ada duit, kerana duit itu bukannya hendak dipinjamkan percuma sahaja. Barangkali ada setengah rakan-rakan kita yang ketawakan cadangan ini, tetapi ini adalah perkara yang betul, sebab kita buat sekim sendiri, tunjukkan caranya, maka kita katakan pada Pengarah MARA, baiklah jamin syarikat ini, MARA boleh jamin, UDA boleh jamin. Kita pinjam duit daripada Bank Pembangunan ini. Barulah kita boleh maju dan sebagaimana kita maklum oleh kerana lepas merdeka, kita nampak pembangunan-pembangunan dalam negeri kita: banyak pekan-pekan, kilang-kilang baharu diadakan di dalam tanahair kita, baik di Petaling Jaya, di Kuala Lumpur, di Ipoh, di Taiping dan di Pulau Pinang. Begitu juga perumahan dibuka di sana-sini. Di keliling Kuala Lumpur dahulu penuh dengan tanah getah, sekarang sudah jadi kawasan perumahan.

Bank-bank dibuka di merata tempat, tetapi bumiputra tukang tengok sahaja. Kita tukang tonton, kata orang Indonesia. Tetapi dengan adanya PERNAS yang memasuki sedikit-sebanyak di dalam pembangunan-pembangunan ini, saya mengesyorkan pada masa akan datang apabila ada pembangunan di tepi-tepi pekan, kawasan perumahan dan sebagainya, maka sekurang-kurangnya 50% ataupun sehingga lebih 70% saham itu dibuka kepada bumiputra sebab kita hendak mengejar matlamat 30% penyertaan bumiputra dalam ekonomi negara. Pada hari ini kita hanya mempunyai 1.5% sahaja daripada 100% iktisad di negara kita, jadi 98.5% dipunyai oleh orang lain. Ini bukan senang hendak mengejarnya, susah. Oleh kerana itu, saya syorkan di sini kita mestilah aktif. Kalau misalnya kita berjalan satu batu satu jam, sekarang kita mesti berjalan 10 batu satu jam, kerana kita hendak menuju supaya dapat bersaing dengan kaum-kaum lain.

Baru-baru ini satu syarikat telah ditubuhkan di Subang Jaya, termasuk syarikat asing yang bermodal \$800 juta sekali gus. Kalau \$800 juta ini masuk sekali gus yang dikatakan 1.5% ini, saya fikir tinggal .2% sahaja. Hari ini kalau kita semak

betul-betul, lain daripada MARA, PERNAS dan sebagainya, kita tinggal .2% kerana \$800 juta ini dibawa daripada United Malayan Banking, Hong Kong, masuk ke dalam syarikat itu tinggallah kita .2% iktisad yang dipunyai oleh orang Melayu dalam negerinya sendiri. Dengan sebab itu, saya memikirkan jikalau betul-betul hendak menayakan supaya kita dapat 30% dipegang oleh orang kita, maka hendaklah pada hari ini dengan adanya duit daripada Bank Pembangunan ini akan digunakan dalam perusahaan dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap sedikit berkenaan dengan bank-bank pembangunan iaitu jangan melambatkan permohonan bumiputra-bumiputra yang hendak meminjam duit jikalau cukup syarat-syaratnya. Kalau kita pergi ke bank, terutama Bank Bumiputra nampak sahaja bumiputra hendak meminjam duit susah sedikit mendapatnya. Sebagaimana rakan-rakan saya tadi telah bercakap susah sedikit oleh kerana difikirkan oleh orang lain, maka bumiputra ini apa dibuat pun jatuh sahaja, apa yang dibuat tidak akan berjaya. Itulah pemikiran orang terhadap bumiputra, sebab kita baru bawa kereta. Kalau kita baru bawa kereta orang takut sahaja masuk dalam longkang. Jadi bagaimana orang hendak pinjamkan kereta kepada kita? Maka itulah sebabnya takut sahaja, sungguhpun kita sudah lulus lesen "L" tetapi orang tidak percaya juga. Takut juga hendak meminjamkan keretanya. Begitu juga takut sahaja hendak meminjamkan duit kepada kita. Saya harap oleh kerana ada Bank Pembangunan ini, maka bank ini akan memberi facilities dan juga Bank Guaranteenya ataupun credit facilities kepada bumiputra yang nampak betul-betul hendak berjaya dalam hidupnya, iaitu dalam perniagaan dan perusahaan.

Pihak Pembangkang ada mengatakan tadi iaitu orang-orang kaya, MPs yang dapat meminjam daripada bank ini. Ingatannya tidak lain adalah selalu ingatan karut. MPs maknanya MPs daripada Perikatan—MPs Melayu yang ada dalam Dewan ini yang akan dapat membolot duit bank itu. Itu sahaja ingatan mereka terhadap orang Melayu. Apa sahaja yang hendak dibuat, inilah kerjanya. Orang inilah yang akan dapat meminjam, kalau tidak hendak meminjam cukup susah sehinggakan hendak

bergaduh dengan orang-orang dalam bank itu baru hendak dapat. Jadi ingatan mereka ini adalah karut sahaja terhadap orang Melayu. Saya pun orang Melayu dan apabila orang Melayu hendak bangun selalunya orang-orang asing hendak menjatuhkan, merosak dan menjahanamkan sahaja. Saya harap parti Pembangkang mesti ingatlah jikalau betul-betul hendak menolong bumiputra, maka mereka juga mesti sedar iaitu hendaklah menolong secara hati yang jujur. Kalau menolong secara di mulut sahaja tidak berguna.

Ada juga parti Pembangkang mengatakan ini untuk 3-4 orang Melayu yang kaya. Bank ini barangkali untuk MPs sahaja. Jadi daripada mula sudah karut pemikirannya, bagaimana orang Melayu hendak maju. Kalau orang Melayu sudah maju pula ada sahajalah yang masing-masing hendak menjatuhkan, dikatakanlah korupsi, itu dan ini, sebab orang Melayu ini tidak berduit. Asalkan ada duit sahaja, korupsi. Inilah sangkaan-sangkaan mereka. Walau macammana sekalipun bumiputra buat venture, pergi ke mana-mana sekalipun tetapi pemikiran orang asing ini terhadap orang UMNO difikirkan korupsi. Habis negeri ini dijual oleh UMNO. Inilah pemikiran-pemikiran asing yang patut dicuci dan di bersihkan. Bila dilihat orang Melayu maju dia kata: Terima kasih, orang Melayu sudah maju seorang berdua. Dan kalau banyak: 3 orang, 10 orang, 1,000 orang, 200,000 orang—lebih baik orang Melayu maju kerana kalau orang Melayu susah, mereka pun susah sama. Sangkaan-sangkaan yang begini hendaklah dikikis dari pemikiran orang-orang asing terhadap bumiputra dan orang-orang Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap banyak sedikit mengenai bank ini, sebab ini berkait dengan wang. Kalau tidak ada duit, tidak ada orang yang datang kepada kita. Oleh kerana bangsa kita pada hari ini tidak ada berduit, orang tidak hormat. Orang seperti saya ini misalnya Wakil Rakyat, orang menganggu-anggu sahaja, tetapi yang sebenarnya mereka memandang rendah kepada orang yang tidak berduit. Dengan sebab itu, dalam perkara bank perkara duit ini, saya minta bercakap lebih sedikit.

Saya harap bila sudah ada bank ini serta tugas-tugasnya bila saya bercakap tadi dalam masa soal-jawab berkenaan dengan MARA. MARA ini mesti tukar sedikit. Jangan asalkan kita bertanya jawapan itu tidak betul. Saya fikirkan kalau MARA hendak rebut travel agency, hendak rebut jual runcit, hendak rebut jual ayam, hendak rebut jual ikan, apakah kerja MARA yang sebenarnya saya pun tidak tahu. Kalau semuanya MARA hendak rebut lebih baik MARA sahaja yang buat. Orang Melayu berpeluk tubuh dan beri pencen kepada orang Melayu, ini adalah lebih baik lagi. Jika semuanya MARA hendak rebut apa pula kita hendak buat. Competition cukup banyak yang kita terpaksa compete dengan orang lain. Sepatutnya MARA ini mesti sokong—itu kerjanya, bukan hendak compete. MARA ada banyak duit Kerajaan, bagaimana orang Melayu ini hendak compete? Tak dapat. Tujuan MARA sebenarnya adalah untuk menolong, menyokong dan menolak orang-orang bumiputra ini ke hadapan. Begitu juga UDA. UDA kata: tidak boleh, orang Melayu tidak ada berduit tidak boleh joint venture. UDA mesti longgarkan sedikit syaratnya. Begitu juga PERNAS asyik joint venture dengan orang putih, asyik joint venture dengan orang-orang lain. Saya dengar asyik joint venture dengan orang-orang lain, tetapi berapa ada joint venture dengan bumiputra, dengan orang Melayu? Saya harap pada masa akan datang bumiputra akan lebih bergiat lagi dalam lapangan perniagaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja dan saya ucapkan berbilang terima kasih.

5.32 ptg.

**Tuan Hussain bin Haji Sulaiman (Besut):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah kerana dapat peluang bercakap mengenai usul Bank Pembangunan ini.

Beberapa orang daripada sahabat saya sejak daripada semalam sampailah kepada akhir ini yang duduk lebih hampir dengan saya apabila bercakap mengenai dengan Bank Pembangunan Malaysia telah menggesa Kerajaan supaya menambahkan lagi wang kerana wang yang diberi sebagai kredit ataupun yang hendak dilaburkan kepada Bank Pembangunan Malaysia sebanyak tidak lebih daripada \$15 juta ini

dikatakan oleh mereka tidak mencukupi. Tetapi kepada saya bukan tidak mencukupi bagi diri saya, saya kata belum mencukupi. Tuan Yang di-Pertua, sebab yang saya terpaksa menggunakan perkataan "belum mencukupi" kerana perbezaan antara "tidak mencukupi" dengan "belum mencukupi" itu adalah berbeza. Kalau kita mengatakan tidak mencukupi, seolah-olah kita mempunyai kepercayaan bahawa sebanyak itu sahaja yang Kerajaan hendak beri kepada bank ini. Tetapi kalau kita gunakan perkataan "belum mencukupi" ertinya kita mempunyai satu keyakinan penuh bahawa Kerajaan akan menambahkan lagi wang kepada bank ini. Lebih-lebih lagi apakala saya menghalusi kepada ayat yang ada di atas usul ini yang dikatakan: "atas syarat-syarat tertentu dan terlakuk kepada syarat-syarat yang dipersetujui di antara Menteri Kewangan dan bank yang tersebut." Ertinya pada pengertian saya, pemberian ataupun kredit permulaan sebanyak tidak lebih daripada \$15 juta ini adalah merupakan sebagai suatu ujian kepada pegawai-pegawai yang akan dipertugaskan kepada bank ini, boleh atau tidak melaksanakan tugas yang akan dipertanggungjawabkan kepada mereka sesudah bank ini menjalankan tugasnya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan pengumuman hendak menubuhkan bank ini, kalau tidak salah ingatan saya, sudah dibuat kira-kira setahun dahulu dan pendaftaran barulah diumumkan pada 28hb November, 1973, kata Yang Berhormat Menteri waktu mengumumkan usul ini di dalam Dewan ini. Ertinya sesudah setahun lamanya dibuat pengumuman dan pada akhir tahun 1973 barulah didaftarkan, ertinya Kerajaan telah mengkaji lama sebelum mendaftarkan bank ini dan sudah tentu Kerajaan pun mengkaji dari berbagai-bagai aspek bagaimana dan seberapa banyak jumlah wang permulaan yang patut diberi kepada bank yang baru hendak dilahirkan ini demi kepentingan bumiputra di dalam negara kita ini.

Banyak di antara sahabat saya tadi menyentuh masalah perniagaan ini meletakkan orang Melayu tidak akan maju di dalam perniagaan kerana kekurangan modal. Saya sebenarnya tidaklah ahli perniagaan seperti beberapa orang ahli-ahli yang lain yang bercakap terlebih dahulu lagi memang

terkenal dengan ahli-ahli perniagaan, lebih-lebih lagi yang berhampiran dengan saya ini. Tetapi saya dapat faham bahawa di dalam perniagaan ini perkara yang utama sekali bukannya modal. Perkara yang utama sekali untuk mencapai kemajuan di dalam perniagaan ialah kepintaran seseorang itu di dalam perniagaan dan keberanian seseorang yang hendak menjalankan perniagaan serta pengalaman yang ada kepada seseorang yang hendak menjalankan perniagaan. Sesudah ada tiga perkara ini barulah kita mencari modalnya. Kalau tidak ada kepintaran, kalau tidak ada keberanian, dan kalau tidak ada pengalaman di dalam perniagaan, berilah berapa juta wang kepada mereka untuk menjalankan perniagaan, tidak akan maju. Dengan sebab itu, saya kata modal adalah perkara yang keempat di dalam perhitungan orang perniagaan. Kerana saya memegang kepada suatu ucapan seorang Menteri di suatu tempat yang diadakan dialog. Menteri itu mengatakan sama dengan saya kata ini, saya ambil ucapannya, bahawa modal adalah perkara yang keempat atau yang kelima. Kerana katanya seseorang ahli yang merompak (perompak), dia tidak ada modal, tetapi dia boleh dapat wang dalam bank kerana dia berani merompak, dan dia pintar bagaimana hendak masuk dalam bank walaupun bank itu ada jaganya, walaupun dikawal dengan rapinya. Ertinya dia pintar, dia berani dan dia ada pengalaman dengan kerja sebagai perompak maka dia dapat mengambil wang di dalam bank itu walaupun dikawal dengan begitu rapi. Saya rasa di dalam istilah perniagaan ini kita boleh juga belajar dari sistem rompak itu, kalau orang Melayu hendak maju di dalam perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya bukan cuba hendak menjadi juara kepada orang-orang yang bukan Melayu. Saya rasa tidak sedap kalau kita bumiputra duduk bercakap di dalam Dewan ini mengatakan hendaklah diberi modal yang banyak kepada orang Melayu, berilah sahaja kepada orang Melayu ini. Tetapi kalau kita mengkaji kepada sejarah-sejarah orang-orang yang bukan Melayu mencapai kemajuan di dalam perniagaan di Malaysia kita ini, mereka datang dahulu dengan kain selai sepinggang. Mereka datang bukan bawa wang berjuta-juta. Mereka datang, kalau hendak gunakan perkataan "bangsat" pun lebih kurang kita juga mereka datang. Tetapi mereka mula daripada kecil, mereka berani

membuka perniagaan, mereka pintar dalam perniagaan, mereka ada pengalaman sebab dia mula daripada kecil tadi, barulah dia cari modal sama dengan sistem perompak yang saya katakan tadi. Jadi dengan sebab itulah kalau mereka ini sudah lalu jalan yang saya katakan itu dan dia sudah mencapai kekayaan pada masa ini dan kebetulan di dalam ikrar kita di Dewan yang mulia ini bahawa semua parti-parti politik dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada di dalam Dewan ini waktu bercakap mengenai dengan Kajian Semula Dasar Ekonomi Baru dan Kajian Semula Rancangan Malaysia Yang Kedua, semua sekali bercakap menyokong. Ertinya semua bersetuju bahawa di dalam tempoh 20 tahun akan datang ini sekurang-kurangnya bumiputra mencapai 30% di dalam bidang perdagangan dan perusahaan.

Sekarang ini kita masih ada 17 tahun lagi sesudah kita tolak 3 tahun. Soal maju atau tidak, soal sampai atau tidak bumiputra kepada peringkat sekurang-kurang bukan selebih-lebih 30%, sekurang-kurang 30% bukan menjadi tanggungjawab Kerajaan sahaja, tetapi adalah menjadi tanggungjawab setiap orang yang ada dalam Dewan ini, sebab semua yang ada di dalam Dewan ini telah memberi sokongan dan telah memberi ikrar yang sepenuh-penuhnya kepada usul yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Ertinya kalau angka 30% kita sampai, kita semua yang ada dalam Dewan ini baru lulus di dalam peperiksaan sahaja. Tetapi kalau orang Melayu boleh lebih daripada 30% barulah kita ini boleh diberi kredit di dalam peperiksaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh masaalah tujuan bank ini. Bank ini mengikut kata Yang Berhormat Menteri waktu mengumumkan antara salah satu daripada perkara-perkara yang sangat-sangat menarik perhatian saya ialah adanya cadangan hendak mengeluarkan saham. Perkataan hendak mengeluarkan saham ini kurang jelas sedikit. Adakah saham ini khas untuk bumiputra sahaja ataupun khas kepada seluruh rakyat? Saya berharap apakala Menteri menjawab perkara ini tolong tegas-kan saham yang akan dikeluarkan menerusi bank ini adakah khusus untuk bumiputra ataupun terbuka kepada seluruh rakyat? Cadangan saya silalah terbuka khas kepada bumiputra sahaja, kerana bank-bank yang lain sudah banyak membuka saham-saham

kepada seluruh rakyat, tetapi kalau ada satu bank yang buka khusus sahamnya kepada bumiputra, maka sampailah hasrat, sampailah maksud apa yang pernah kita sebut bahawa Kerajaan hari ini benar-benar mencari jalan untuk menolong bumiputra. Saya menyentuh soal modal yang dibenarkan kepada bank ini ialah \$100 juta. Yang ini saya kurang senang, tetapi sahabat-sahabat saya tadi menyentuh masaalah melabur. Masaalah Kerajaan melabur \$150,000 itu saya tidak berapa gaduh. Saya gaduh modal yang dibenarkan \$100 juta. Ini kepada saya patutnya bank ini dibenarkan modalnya bukan \$100 juta, beratus-ratus juta patut dibenarkan supaya bank ini merupakan suatu bank yang paling besar di dalam Malaysia kita mengatasi bank-bank yang lain dimodali oleh orang-orang asing di dalam tanahair kita ini. Kita boleh mengatasi Hongkong & Shanghai Bank misalnya ataupun lain-lain bank. Ini barulah kita dapat menunjukkan bahawa Kerajaan mempunyai kemampuan untuk membantu walaupun secara beransur-ansur di atas maksud bukan \$100 juta matlamat kita tetapi beratus-ratus ribu juta ringgit.

Mengikut keterangan Yang Berhormat Menteri bank ini ialah syarikat anak kepada Bank Bumiputra. Ini kurang sedap sedikit. Syarikat anak kepada Bank Bumiputra. Yang saya kata kurang sedap ini, oleh sebab tengok kepada bapanya. Bapanya adalah Bank Bumiputra. Kalau kata perpatah Melayu: "Bapanya borek, anaknya rintik." "Bapanya kencing berdiri, anaknya kencing berlari". Sekarang ini sudah banyak orang-orang menyatakan kurang senang bukan kepada Bank Bumiputra, tetapi kepada setengah-setengah pegawai yang dipertanggungjawabkan di dalam Bank Bumiputra untuk menolong Bumiputra sebagai suatu amanah yang diputuskan oleh Kongres Ekonomi Bumiputra dahulu. Bukan kepada bank yang kita marah, tetapi kepada setengah-setengah pegawai. Jadi kalau bank ini sebagai syarikat anak kepada Syarikat Bank Bumiputra saya khuatir, takut pegawai-pegawai yang akan ditugaskan ke dalam syarikat anak ini akan bersikap lebih dan lebih kejam daripada bapa yang ada di dalam Bank Bumiputra ini.

Kalau ini berlaku, adalah satu perkara yang sangat-sangat malang dan kalau ini berlaku, saya terpaksa mengatakan di dalam Dewan ini, apa yang saya sebut setahun

dahulu, ketika saya menyentuh ucapan Ahli Yang Berhormat dari Johor Tenggara sewaktu kita membahaskan Dasar Ekonomi Baru dahulu, Ahli Yang Berhormat dari Johor Tenggara mengatakan dia memandang ke hadapan kepada apa yang ada sekarang ini dengan perasaan kabur, samada boleh atau tidak di dalam tempoh 20 tahun lagi sekurang-kurangnya 30% bumiputra mencapai angka itu di dalam perniagaan dan perdagangan. Itu yang saya kata, kalau sikap pegawai-pegawai yang akan kita letakkan ke dalam bank ini bersikap setengah daripadanya (bukan semua) yang bagus pun ada juga, Tuan Yang di-Pertua. Saya yang bagus ini kalau boleh angkat tabik, kakitangan pun saya angkat hormatkan. Bukan setakat tangan sahaja, kakitangan, topi, songkok pun saya angkat lagi kepada yang baik-baik ini. Tetapi kepada yang kurang baik dan kepada yang paling tidak baik ini, saya terpaksa kutuk di dalam Dewan ini, kerana saya pernah melihat seseorang bumiputra datang berjumpa dengan pegawai yang saya maksudkan, (pegawai yang kurang baik ini) kalau orang itu masuk pejabat pakai kain, ini di Pantai Timur, pakai baju, pakai kain, pakai selipar, dia kata tunggu dahulu. Hamba Allah ini dua tiga kali tengok dari lubang cermin hendak jumpa pengurus di bank itu, dia kata tunggu dahulu. Bila datang satu hamba Allah lain yang pakai agaknya macam saya ini: coat, necktie tetapi bukan M.P., ahli perniagaan bumiputra juga: pakai coat, necktie, bawa beg, (samada beg kosong atau tidak kosong itu wallahu-aklamlah). Jadi dibuka pintu diberi peluang masuk dahulu. Yang pakai kain tadi dia kata tunggu. Ini yang saya kata tadi, yang saya terpaksa mengatakan saya kurang senang sebab bank ini adalah syarikat anak kepada Bank Bumiputra, kalau pegawai yang diletak ke dalam bank anak bumiputra ini terdapat pegawai-pegawai seperti yang ada di dalam setengah-setengah Bank Bumiputra yang tidak mahu melayan orang yang pakai kain masuk ke dalam bank atau pakai selipar.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga menyentuh masaalah persaingan perniagaan yang terlampau hebat dalam perniagaan. Tadi saya kata orang-orang yang bukan Melayu dia pun bukan asalnya kaya, tetapi

boleh jadi kaya, kerana dia berani, pintar, ada pengalaman dan sesudah dia kaya, dia pun ada bank-bank yang banyak di dalam negara kita ini.

Sekarang ini bagi Kerajaan pula kerana hendak menolong bumiputra adalah Bank Bumiputra dan Bank Pembangunan ini, sebagai anak kepada Bank Bumiputra, ada lagi, MARA, lain-lain Bank Pertanian. Saya berharap bukan sahaja bank yang ditubuhkan oleh Kerajaan ini bertanggungjawab untuk menolong bumiputra, tetapi hendaklah bank-bank lain, bank-bank yang dikendalikan oleh rakyat Malaysia yang berketurunan China dan India dan juga yang berketurunan daripada orang luar yang bukan rakyat negeri ini hendaklah mengikuti jejak langkah yang dibuat oleh Kerajaan ini. Kalau mereka ini tidak mahu mengikut jejak langkah dan tidak mahu mengikut arahan-arahan yang pernah dikeluarkan berpuluh-puluh kali oleh Kerajaan, maka Kerajaan hendaklah mencari jalan samada memotong lesennya atau merampas menjadi hak kepunyaan Kerajaan, kemudian dijual secara beransur-ansur kepada rakyat negeri ini juga, yang benar-benar taat dan jujur. Tetapi kalau yang bukan rakyat negeri ini, saya fikir ada jalannya kalau mereka ini tidak mengikuti perintah dan arahan Kerajaan, rampas, dijadikan hak milik negara.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh hak milik negara ini tentulah bunyinya kasar, tetapi di dalam beberapa perkara kita tidak boleh terlampau lembut, kalau orang tidak terlampau bertimbangrasi. Kita boleh terlampau lembut dan sujud kepada mereka kalau mereka terlampau bertimbangrasi kepada kita. Jadi dengan sebab itulah saya melihat di dalam Dewan ini apakala usul ini dibentang oleh Yang Berhormat Menteri yang nampak khusus oleh bumiputra amat jarang daripada ahli-ahli yang bukan Melayu yang bercakap di dalam Dewan ini. Saya tidak faham, saya dapati sejak daripada semalam sampai hari ini ahli Melayu sahaja, ada seorang dua yang bukan Melayu yang bercakap di atas usul ini. Saya rasa, ada baik kita beri peluang kepada mereka ini bercakap di atas usul ini untuk mendengar daripada mulut mereka sendiri bagi menguji apa yang ada di dalamnya, sebab kita dapat melihat apa yang ada dalam perut mereka, apa yang kita boleh dengar ialah apa yang keluar daripada mulut mereka, ini merupakan satu ujian sejauh mana mereka jujur dan ikhlas

dengan Kerajaan yang ada pada hari ini, terutama sekali daripada sahabat-sahabat baru kita di dalam Kerajaan campuran. Cuba bercakap dengan tegas mengenai dengan usul ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyatakan di dalam Dewan ini bahawa banyak masalah-masalah perniagaan, masalah-masalah persaingan dalam perniagaan yang saya nampak pada hari ini yang paling hebat persaingan ialah persaingan pilih warna, bukan saya katakan pilih bulu. Pilih warna, kalau orang China berniaga, maka mudah mendapat pertolongan dari China, kalau orang India menjalankan perniagaan mudah mendapat pertolongan dari kawan-kawan India. Kalau orang Melayu berniaga, bukannya mudah hendak mendapat pertolongan daripada orang China dan orang India, tetapi setengah-setengahnya disembelih oleh mereka ini di dalam perniagaan. Inilah yang saya kata, saya hendak dengar dari sahabat-sahabat saya yang bukan Melayu yang ada dalam Dewan ini, samada boleh atau tidak mereka menyuarakan dalam Dewan yang bertuah ini, supaya orang-orang yang bukan Melayu kurangkanlah sedikit sembelih bumiputra ini di dalam perniagaan.

Saya bercakap demikian, di dalam soal-jawab saya dengan Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian tadi atas masalah beras. Baru dua hari Kerajaan mengumumkan di dalam Dewan yang mulia ini tentang kedudukan beras, harga beras, dan beras daripada kilang sekian harga, daripada pemborong sekian harga, sampai kepada peruncit sekian harga. Oleh kerana kebetulan di kawasan Muda, Kedah tidak ada kilang kepunyaan Kerajaan yang besar, kilang-kilang sana kepunyaan orang yang bukan bumiputra yang banyak, maka saya dapat tahu orang-orang yang bukan Melayu yang mempunyai kilang beras yang ada di Kedah telah cuba sabotaj, telah cuba menunjukkan kehandalan hendak berhadapan dengan Kerajaan pada hari ini, mereka cuba mengurangkan penghantaran beras kepada pemborong-pemborong bumiputra. Dan saya berharap apakala pihak ini saya dedahkan dengan keadaan demikian, sebagaimana kata Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian tadi, dia belum tahu lagi belum sampai maklumat ini. Saya percaya, maklumat-maklumat yang seperti ini susah hendak disampaikan oleh setengah-setengah pegawainya, bukan oleh semua, kerana setengah-setengah pegawainya

pun barangkali ada untung di sebalik permainan ahli-ahli peniaga ini. Ahli-ahli perniagaan yang kurang jujur di dalam negara kita ini masalah wang tidak jadi hal kepadanya. Siapa sahaja yang mahu wang, dia boleh beri, asalkan apa yang dia dikehendaki dapat dilanggar undang-undang yang ada di dalam negara kita ini. Sebab itulah kadang-kadang ahli-ahli perniagaan memandang kepada setengah-setengah pegawai Kerajaan yang ditugaskan menjalankan kerja kuatkuasa atau lain-lain, mereka senyum. Kalau kita pergi ke kedai-kedai besar, kita pergi ke bar yang tinggi-tinggi tempat yang ada pelayan yang cantik-cantik, kita akan jumpa pegawai-pegawai tinggi ini bersaing dengan ahli-ahli peniaga-peniaga yang besar. Jadi, saya sendiri oleh kerana belum sempat jadi ahli peniaga besar ini, saya tidak tahu apakah benda yang pernah dibisik-bisikkan oleh mereka ini di dalam perasingan itu. Ini perlu diperhati, Tuan Yang di-Pertua, terutama sekali oleh Biro Siasatan Negara (B.S.N.) kerana ini merupakan kunci, sebab di dalam perniagaan saya sudah katakan tadi soal kepintaran, soal keberanian adalah soal yang penting. Kepintaran dalam perniagaan samada kepintaran secara halal atau kepintaran secara tidak halal, keberanian yang secara jujur atau keberanian yang boleh menggulingkan Kerajaan. Inilah yang saya nampak kadang-kadang di dalam sistem negara kita ini kadang-kadang kita nampak dengan masalah inflasi yang ada hari ini setengah-setengah ahli-ahli Pembangkang daripada D.A.P.

Saya terpaksa sebutkan, sebab semalam masa jamuan ada setengah-setengah Ahli Yang Berhormat dari parti Pembangkang, bila saya sebutkan Pembangkang sahaja, dia kata tidak sedap kalau disebutkan Pembangkang sahaja, sebab Pembangkang ini banyak, kadang-kadang Ketua Pembangkang kita pun baik tahun ini, Tuan Yang di-Pertua. Saya terpaksa sebutkan Pembangkang daripada D.A.P. bukan Pembangkang daripada Negeri Sarawak dan Sabah, Setengah-setengah Ahli-ahli Pembangkang daripada D.A.P. apakala mereka ini menyentuh soal inflasi, mereka tidak sedikitpun menyentuh soal kejahatan setengah-setengah ahli-ahli perniagaan yang hartawan dan jutawan di dalam negara kita ini, tetapi mereka makihamun kepada Kerajaan, kerana Kerajaan tidak cekap, kerana Kerajaan tidak bertindak.

Itulah sebabnya, waktu saya bercakap mengenai dengan inflasi ini saya katakan cuba Kerajaan pakai perisik-perisik, menggunakan jentera perisik, takut kalau-kalau di antara Ahli D.A.P. ini, di antara setengah-setengah pemimpin D.A.P. ini ada hubungan secara sulit dengan orang-orang yang pernah berhubung secara tidak langsung dengan kominis di dalam negara kita.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat tidak boleh menuduh dan berniat tidak baik kepada seorang Ahli yang lain di dalam Dewan ini.

**Tuan Hussain bin Haji Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menuduh. Saya kata takut kalau-kalau. Kadang-kadang ayat "kalau-kalau" inipun ada tepat juga. Seperti orang memancing ikan, kita tidak nampak ikan di dalam air itu, tetapi kita agak kalau-kalau ada ikan kita pun campak pancing. Kita agak ikan yang kecil yang memakannya, rupanya ikan yang besar dan silap gaya buaya yang makan. Jadi, itu yang saya gunakan perkataan "kalau-kalau". Bukan saya tuduh secara tepat, sebab daripada ucapan-ucapan yang ada di dalam Dewan ini, saya nampak mereka kadang-kadang terlampau tidak bertimbang rasa kepada Kerajaan kita yang ada pada hari ini.

Walaupun tadi, Tuan Yang di-Pertua memberi masa satu jam kepada saya—bukan Timbalan Yang di-Pertua, pada masanya mula-mula bercakap tadi, oleh kerana saya bertimbang rasa kepada Ahli-ahli yang lain dan hendak melihat, hendak menguji orang-orang yang bukan Melayu yang ada di dalam Dewan ini, terutama sekali kalau boleh Ketua Pembangkang sendiri yang semalamnya nampak begitu baik, jujur, ikhlas; saya hendak dengar ucapan daripada Ketua Pembangkang sendiri tentang Bank Pembangunan Malaysia ini. Sejauh mana keikhlasan Pembangkang terhadap Kerajaan yang ada pada hari ini untuk kepentingan bumiputra dengan melahirkan bank ini. Kalau beliau dapat bercakap dengan secara yang sungguh-sungguh untuk membuktikan kejujuran pihak Pembangkang, maka saya memberi hormat yang paling tinggi kepada Ketua Pembangkang.

Pada akhirnya, saya menyokong usul ini dengan menaruh keyakinan bahawa Kerajaan bukan sahaja sanggup memberi kepada bank ini modal sebanyak \$100,000,000, tetapi



hendaklah membanyakkan lagi beratus-ratus juta ringgit. Soal melabur bagi peringkat permulaan saya boleh terima sekadar yang ada ini, tetapi buat permulaan bukan buat penghabisan.

6.05 ptg.

**Tuan R. C. M. Rayan (Ipoh):** (*Dengan izin*) While supporting this Motion to invest a sum not exceeding \$15 million in Bank Pembangunan Malaysia, which is a subsidiary of Bank Bumiputra, I would urge that this money be utilised wisely and cautiously not only to assist Bumiputra businessmen but to assist those non-Bumiputra Chinese and Indians who are also in need of financial help. As we all know, all the Chinese and Indians are not that rich as some people imagine. There is poverty also among some Chinese and Indians as well.

I would further suggest that this money should be utilised to help the small businessmen and not the big businessmen who usually find no difficulty in obtaining loans from banks or from other places. The small businessman has no place to go to except to seek the help of moneylenders who are by law entitled to charge about 18% per year, but most of these moneylenders usually charge as much as 5% per month, instead of 18% per year. To circumvent the law the poor borrowers are asked to sign I.O.U.s or promissory notes for two, three or even four times the actual amount lent, so much so that if a person borrows \$1,000 for a period of one year, he is asked generally to sign an I.O.U. or a promissory note for about \$2,000 or even \$3,000. He has to pay interest in advance on the \$1,000 at 5% per month which is \$50 on \$1,000, but the unscrupulous moneylender takes care to collect six months' interest in advance which amounts to \$300, so much so the actual borrower gets not \$1,000 but only \$700 when he receives the money. If the poor man goes to borrow from unlicensed moneylenders, the rate of the interest is much more and the amount of loan for which he has to sign the I.O.U. or promissory note is also much more. In addition to that the unlicensed moneylender requires an additional guarantor to make sure that the money is repaid in full. In either case if the borrower fails to pay

the interest in time he will be sued not for the \$1,000 which he has borrowed but for the \$2,000, \$3,000 or \$4,000 I.O.U. or promissory note on which he has put his signature.

To stop the unscrupulous moneylenders from exploiting the poor people, it is a good step to take if the Bank comes forward to help the poor and the needy at comparatively low interests as compared to the rate of interest charged by moneylenders. Further I would suggest that in doing so the Bank must make certain that the money is not being lent to settle some debts of the borrower but only to help the borrower to carry on some useful trade or business. For this purpose, I would suggest that the Bank must make known to the poor man that it is ready and willing to help the poor man who is anxious to start some useful and profitable business of his own. This attitude of the Bank should be in accordance with the saying, "If Mohamed does not go to the mountain, the mountain should go to Mohamed."

6.10 ptg.

**Tuan Hor Cheok Foon (Damansara):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bercakap sedikit atas Usul yang dibawah oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan dan saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, while we are on this question of the Development Bank, this is, of course, the best opportunity whereby we can express our views on some of the issues regarding banking. Tuan Yang di-Pertua, as we know, nowadays on television, on radio and in cinemas there are advertisements from banks—from the Chartered Bank, U.M.B.C., Chung Khiaw Bank and also Bank Bumiputra. As we know, all these advertisements are not for the sake of inviting everyone of us to go and borrow money but for asking us to go and deposit money. It is true that no bank will give an advertisement asking us to go and borrow from them, because very soon they will get dried up in their deposits.

We understand, in today's banking system, rich men can put together their money, i.e., capital, and form a bank; the amount of each individual's deposit may be

very limited. Therefore, the modern trend is to get the small man's deposit so as to form into a big deposit to consolidate whichever bank it is. Supposing an individual would deposit \$1,000 in the bank and if this deposit by one individual were to multiply by 10,000 times, then we would therefore have got \$10 million in the bank. What I am trying to drive at is the point that the deposit in the commercial bank is virtually the money of the people, but, Sir, it is very unfortunate that the money from the people is today being not utilised back by the people but only by businessmen of status. Therefore, you will find that big businesses, big establishments borrow ten or twenty million dollars at one shot, to whom this money goes out from the bank. Of course, I am not trying to question the credibility of these people or that the bankers are lending money to hopeless chaps from whom they cannot get the money back. I am not saying that. What I am saying is that money from the bank has been borrowed, has been utilised, in a manner which does not benefit the maximum amount of people. I quote an example. For instance, I own a bank and Menteri Kewangan owns another bank. If I start an enterprise or an investment for myself, I cannot borrow from my own bank. I become pally-pally with the other party, with Menteri Kewangan—"You borrow from my bank, I borrow from your bank". This they can do and by that method, they can get a tremendous amount of capital.

As you know, bankers are not supposed to do their own business. They are supposed to look after the people's money because, as we all know, when we put our money in the bank, we know it is very safe. Because of this practice and because the Government is not aware of this, big businessmen, bankers become the only privileged people who can make more money. Therefore, I would say that the ordinary people, the rakyat as a whole, do not have the opportunity to make use, to utilise, the same amount of money which the other part of the population puts into the bank.

Sir, another point. We know that, as far as banking is concerned, the percentage of amount for lending out is fixed and a certain percentage of amount also has to be reserved in the Central Bank—we also know that.

The question arises as to the amount which is reserved for loans. Of course, if the bank gets \$1 million in deposits and keeps it and does nothing with it and keeps on paying interests, to depositors the bank will have to close down and of course, somehow or other they will have to lend out the money to businessmen or whatever section of the people who come to borrow. Somehow or other, the Government must make arrangements, enact legislation to look into how the banks lend out their money. That is to say, proportionwise, how many per cent for what trade, how many per cent for what business, and any one must have a certain amount of proportion in order to utilise the money in the bank best.

Tuan Yang di-Pertua, we also know at the moment there is a Credit Guarantee Scheme promoted by this Credit Guarantee Corporation—if I am wrong, the Honourable Menteri Kewangan can correct me—and we also know at the same time, despite the comments from the Member who has just spoken, that it is also the Government's intention to help those Bumiputras who need capital to do business. We are not going to quarrel about this. Anybody who deserves and who has the ability to return the same amount of money with interest to the bank is entitled to borrow.

So, I urge, Tuan Yang di-Pertua, that in view of my arguments and my views which I presented just now, I hope in the very near future, the Ministry of Finance could introduce proper legislation requiring banks, especially commercial banks in the process of lending out money, to see that this money reaches the appropriate sections of the people—whether it is going to be businessmen, or industrialists, agriculturists, fishing industries, or mining industries, it should be done that way. Otherwise, the money will only circulate among the big capitalists. Of course, we all know that some other loans like loans for buying motor cars, refrigerators, etc. are loans to buy consumer goods. You do not make use of the money which you borrow to churn out some more money. But that is a different matter altogether. What I am trying to say is that the money which you borrow from the banks should be utilised in a useful manner, so that

our society, as well as the nation, could make use of the money which is lent out from the banks to develop the nation in a way which is tailored for the best of our country.

6.17 ptg.

**Tuan Haji Mohamed Yusof bin Mahmud (Temerloh):** Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka mengambil bahagian berucap dalam usul yang ada di hadapan kita berkenaan dengan cadangan Kerajaan memberi pinjaman wang kepada Bank Pembangunan Malaysia.

Dalam perkara masaalah wang adalah satu masaalah yang sungguh-sungguh besar kepada manusia. Segala kemajuan-kemajuan kalau tidak ada wang, terutama pada zaman ini iaitu zaman sains dan teknologi, satu-satu perkara, satu-satu bangsa atau satu-satu negara tidak akan maju. Itulah sebabnya pada hari ini kita dapati negara-negara yang besar seperti Amerika, kemajuan negaranya adalah sebab kewangan. Saya memandang dalam negara kita ini wangleh satu lagi perkara yang sangat penting untuk membereskan kemajuan-kemajuan bagi bumiputra. Kita percaya hal ini telah menjadi hasrat Kerajaan, iaitu dengan adanya Bank Pembangunan Malaysia dengan bantuan Kerajaan ini, maka ini satu daripada sumber-sumber Kerajaan untuk mencapai hasrat supaya dalam masa 20 tahun akan datang bumiputra di negara ini akan dapat bersaing dengan rakyat bangsa asing.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan dasar Kerajaan menggalakkan pembukaan bank ini, bukanlah sepatutnya satu sahaja bank seperti ini dibuka, tetapi hendaklah juga dibuka bank-bank lain yang menjadi unsur-unsur pinjaman kewangan bagi bumiputra. Saya rasa kalau Kerajaan dapat menimbangkannya, pekebun-pekebun kecil pada hari ini dalam badan-badan yang besar seumpama RISDA wang mereka ada tersimpan berjuta-juta ringgit di dalamnya. Saya harap ditimbangkan pekebun-pekebun kecil juga boleh mengadakan bank-bank sendiri untuk faedah dan kemajuan kepada pekebun kecil. Dengan adanya wang mereka begitu banyak dalam RISDA, dengan adanya wang mereka dalam M.R.D.B., dua badan ini pada hari ini kalau hendak membuka sebuah bank bermodal \$20 juta tidaklah sukar. Rasa saya, kiranya ada bank khas seperti itu, masaalah pekebun kecil yang dibangkitkan oleh rakan-rakan saya

dapat mereka menggunakan bank itu untuk kemajuan pertanian, untuk membaiki masaalah pertanian, membaiki pengeluaran dan juga berkenaan pemasaran barang-barang itu. Dengan adanya bank sendiri yang mereka mengambil bahagian yang cergas dalam bank itu, ini memberi galakan dan kemajuan kepada negeri ini.

Saya memikirkan bahawa wang yang ada di tangan dua badan itu, bank itu juga boleh memberi perkhidmatan secara dekat kepada lebih kurang dua juta pekebun kecil di tanahair kita ini. Pada masa ini pekebun-pekebun kecil tidak tahu hendak menggunakan wang yang ada dalam badan-badan RISDA dan M.R.D.B. itu. Saya rasa sekarang wang itu sudah terkumpul tidak kurang daripada \$30 juta. Dengan ini, rasa saya masaalah kesulitan untuk usaha-usaha kemajuan dalam pekebun-pekebun kecil dapat kita atasi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri mengatakan Bank Pembangunan Malaysia ini anak daripada Bank Negara. Ucapan yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Besut tadi, saya suka juga menyokong masaalah pentadbiran pegawai-pegawai tinggi dalam Bank Negara. Bukan semua sekali, tetapi ada setengah-setengah pegawai-pegawainya. Matlamat Kerajaan kita hendak memberi peluang kepada bumiputra mengambil bahagian cergas dalam badan-badan perniagaan, bukan setakat hendak berniaga \$500-\$1,000 tetapi ada bumiputra yang sanggup hendak menjalankan perniagaan besar buat joint venture dengan orang lain yang mengerti dalam perdagangan seperti mengadakan mutual aid finance corporation, yang mana ini satu perniagaan yang baru yang boleh memberi peluang kepada bumiputra. Tetapi oleh sebab telatah pegawai-pegawai daripada Bank Negara ini, memandang orang bumiputra tidak pandai berniaga. Pegawai itu minta segala penerangan, segala penjelasan, kita beri semua sekali, akhirnya dia kata, belum layak lagi. Bilakah masanya bumiputra akan layak? Dia ada kewangan dan sanggup memberi segala penerangan apa yang dikehendaki mengikut proforma tetapi akhirnya dikatakan tak layak. Perkara ini, saya telah merayu kepada Menteri, tetapi Menteri menjawab apa boleh buat, Bank Negara tidak setuju. Di sini saya ingin membayangkan kalau begini telatah pegawai-pegawai Bank Negara yang memandang rendah dan mengatakan

bumiputra tidak boleh berniaga, maka sampai bilakah bumiputra boleh berniaga dan sampai bila bumiputra boleh mengambil bahagian dalam perdagangan yang besar.

Saya bercakap dalam hal ini, kerana saya terlibat dalam perkara ini iaitu hendak menubuhkan Mutual Aid Finance Corporation. Saya berasa musykil kerana inilah satu badan orang Melayu cuba hendak menciburkan dirinya, perniagaan yang terlibat dalam stock exchange, broker dan sebagainya. Ibarat pokok baharu hendak tumbuh pucuknya telah dipatahkan. Jadi bilakah masanya orang Melayu dapat mengambil bahagian dalam perniagaan? Kalau telatah pegawai-pegawai bank sebagaimana yang disebutkan oleh rakan saya dari Besut dan penerangan yang saya beri ini bolehkah Bank Pembangunan Malaysia ini akan menolong bumiputra? Saya harap penerangan-penerangan yang saya beri dan juga wakil dari Besut menjadi satu panduan kepada Kerajaan mengenai cara menjalankan Bank Pembangunan Malaysia ini supaya matlamatnya hendak menolong bumiputra itu dapat dilaksanakan. Saya memandang berat dalam perkara ini kerana saya ada terlibat dan saya telah mengalaminya. Bolehlah lihat fail-fail saya yang ada tersimpan dalam Kementerian Perdagangan dan Perindustrian mengenai perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, bumiputra sendiri sanggup hendak membuka bank-bank lain. Pada masa 4-5 tahun dahulu, saya telah membayangkan kepada Kerajaan dan pada masa itu Kerajaan tidak mahu bank terlampau banyak, kerana bank sudah banyak masa itu. Saya dapati hari ini Bank Pertanian telah diadakan, Bank Pembangunan diadakan dan banyak bank-bank kemudiannya ditubuhkan. Saya harap jika ada bumiputra sendiri berminat hendak membuka bank, jangan ada halangan lagi. Saya dapat tahu bumiputra ada kewangan, mereka ada fixed asset, kewangan daripada harta dan sebagainya yang boleh mereka gunakan menjadi modal membuka bank-bank itu. Tetapi pada

masa yang lampau mereka yang di atas memandang bahawa bumiputra ini tidak layak membuka bank, kerana tidak ada pengalaman. Betullah bumiputra yang ada pengalaman memang tidak ada, tetapi dengan cara belajar, dengan cara mengadakan joint venture, dengan cara berpandu kepada orang yang lebih pandai, maka dia boleh pandai. Kalau dengan cara kita potong terus mengatakan tidak layak, sampai bila-bilapun tidak boleh berniaga.

Saya berharap pada masa akan datang, dan saya percaya kalau Menteri Kewangan memberi jawapan bahawa bumiputra berpeluang membuka bank sendiri, saya rasa dalam masa satu bulan perkara ini dapat dibereskan. Ada rakyat bumiputra sendiri yang suka hendak membuka bank itu, kerana mereka ada harta (assets) tanah yang banyak tersimpan sekarang yang tidak dapat digunakan. Kita tahu harga-harga tanah itu memang mahal pada hari ini. Saya harap di masa hadapan berilah peluang lagi dari segi perdagangan yang besar-besar itu seperti banking, mutual aid finance corporation dan sebagainya. Kalau bumiputra hendak masuk berniaga, janganlah difikirkan bumiputra tidak layak. Saya merayu Kerajaan hendaklah bertumbang rasa dan janganlah sebagaimana saya telah alami dalam perkara ini, baik hendak membuka bank, atau mengadakan perdagangan berkenaan dengan mutual funds. Dengan bermulanya Kerajaan membuat bank seperti ini, saya berharap dibenarkan lagi rakyat bumiputra juga masuk dalam perniagaan banking ini. Dari segi inilah saya rasa kita dapat mencapai matlamat Kerajaan hendak menaikkan taraf bumiputra dalam masa 20 tahun lagi bersama dengan rakan-rakan kita bangsa asing yang duduk di tanahair kita ini dari segi perdagangan.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Dewan ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang, hari Isnin, 29hb April, 1974.

*Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*